

EDISI 1 2009
Jan - April 09



Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni

Buletin

HEPA

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

HEPA Berwajah Baru




Majlis Anugerah Bakti dan Kegemilangan Pelajar...

Selamat Datang Pelajar Baru Sesi 2009/10

Kempen Keselamatan Jalan Raya UTeM 09 Meriah!

LB
3602
.B84
2009
a
v1



TAHNIAH!!
Qari UTeM Johan

Sidang REDAKSI

Penangung

Y. Bhg Prof Dr. Zolkepli Bin Buang

Penasihat

En. Zainal Bin Bidin

Editor

En. Mahathir Bin Mazizan

Pengarang

Dr. Raffidah Binti Haron
 Dr. Muhamad Takrimi Bin Shahabudin
 En. Zulkifli Bin Shariff
 En. Abd Halim Hakim Bin Abd Aziz
 Dr. Azizah Binti Shaaban
 En. Hassan Bin Attan
 En. Ishak Bin Amin
 Pn. Idamurni Binti Ismail
 En. Ahmad Faizal Bin Abdul Rahman
 Pn. Nurhafizah Binti Md. Yusoff
 En. Amir Bin Ali
 En. Tinta Firmannika Bin Selamat
 Pn. Rafidah Binti Md. Dusa
 En. Zainuddin Bin Abdul Hamid
 Pn. Musliha Binti Yusoff
 Cik Hadibah Binti Tahir

Pembaca Prof

Pn. Mazne Bte Jaaffar
 Pn. Adawiyah Bte Md Jani
 Pn. Sulaina Bte Kamarudin

Publisiti & Promosi

Pn. Nazhatul Shima Bte Abu Samah
 Pn. Sabrina Bte Haji Saleh

Grafik

En. Safuan Bin Bidin
 En. Fadzly Bin Nordin
 En. Mohd Faizal Bin Ghazali

Terima Kasih & Penghargaan

Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni
 Bahagian Perhubungan Awam & Korporat (BPAK)

Penerbit

Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni (HEPA)
 Universiti Teknikal Malaysia Melaka (Kampus Induk),
 Karung Berkunci No.1752,
 Pejabat Pos Durian Tunggal,
 76109, Durian Tunggal, Melaka.

Tel: 06-331 6044/6236

Faks: 06-331 6116/6222

Web: <http://www.utem.edu.my/hepa>

Apa Kata EDITOR

LB3602 .B84 2009 v1



Alhamdulillah, dengan limpah dan kurnianya bertemu kembali di dalam Buletin Edisi 1 sesi 2009. Pada coretan kali ini, mungkin belum terlewat untuk saya mengucapkan Selamat Tahun Baru 1430 Hijrah bersamaan Tahun 2009 Masihi kepada seluruh warga UTeM yang saya kasihi. Semoga dengan kehadiran tahun baru ini, kita sama-sama dapat mengharungi segalanya dengan penuh ketabahan serta menghargai segala yang berlaku pada tahun 2008 dengan penuh kesyukuran dan ketaqwaan kepada-Nya. Diharap segala perancangan, matlamat dan pengisian pelbagai aktiviti yang telah dirancang pada tahun ini, dapat dilaksanakan dengan jayanya. InsyaAllah....

Dalam era globalisasi ini, dunia memerlukan tenaga sumber manusia yang berkualiti di samping mempunyai pengetahuan luas terhadap sains dan teknologi. Justeru itu, Mahasiswa/i UTeM merupakan sebahagian daripada anggota masyarakat dunia yang bakal bersaing dalam menjana produktiviti negara. Mereka diberi tanggungjawab untuk meningkatkan ilmu pengetahuan sains dan teknologi untuk membantu negara suatu masa nanti.

Gunakan peluang yang ada di Universiti secara bersungguh-sungguh dan berazamlah untuk merancang masa depan yang lebih cemerlang bermula di alam kampus agar segala impian menjadi kenyataan. Mahasiswa/i juga perlu bergiat aktif dalam pelbagai kegiatan luar bilik kuliah melalui program yang disusun kelab dan persatuan. Dengan cara ini, mereka dapat menambahkan pengalaman dan pengetahuan selain dapat memantapkan sahsiah diri setiap pelajar. Bagaimanapun, apabila bergiat aktif di dalam pelbagai aktiviti yang dianjurkan, saya menyeru agar mahasiswa/i tidak mengabaikan tanggungjawab dalam menimba ilmu pengetahuan.

Di kala ini, keganasan dan kerakusan rejim zionis di bumi Palestin masih bermaharajalela dan amat menyedihkan hati umat Islam di seluruh dunia. Dalam usaha membantu mereka, kita sebahagian daripada jiwa bangsa Islam Palestin, seharusnya memainkan peranan menyumbangkan tenaga, wang ringgit dan juga tidak lupa untuk berdoa sebagaimana hadith Rasulullah S.A.W yang berbunyi: Dari Sahl Bin Sa'ad R.A bahawa Rasulullah S.A.W bersabda; "Ada dua doa yang tidak tertolak atau jarang tertolak; doa ketika saat azan dan doa ketika perang berkemuncak." (Sunan Abu Daud).

Kita juga digalakkan untuk mengerjakan Qunut Nazilah ketika terjadinya bencana terhadap kaum muslimim dan mendoakan keselamatan bagi rakyat Palestin yang terus-menerus ditindas, dihina dan dicemuh. Oleh itu, marilah kita menyuburkan kembali sunnah Nabi S.A.W yang semakin jarang diamalkan di Malaysia iaitu membaca Qunut Nazilah ketika terjadi apa jua bentuk musibah.

Sekian saja coretan saya pada kali ini. Salam Muhibbah...

PERPUSTAKAAN

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

MXC(H) 40330

231 OCT 2009



Coretan Dekan HEPA

Prof. Dr. Zolkepli Bin Buang
 Dekan Hal Ehwal Pelajar & Alumni, UTeM

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,



Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama memanjatkan rasa kesyukuran kepada Allah S.W.T kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, kita bertemu kembali di ruangan Coretan Dekan HEPA pada keluaran Buletin HEPA kali ini. Masih tidak terlambat untuk saya mengucapkan Selamat Tahun Baru 1430 Hijrah dan Tahun 2009 Masihi kepada seluruh warga UTeM. Pelbagai program, kejayaan dan sejarah telah dicatatkan di dalam kalendar HEPA, UTeM pada tahun 2008. Pastinya, pada tahun ini, kita semua dapat bersama-sama mengharungi cabaran yang bakal tiba di dalam mengurus dan menadbir HEPA bagi mencapai visi dan misi yang telah dipertanggungjawabkan.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada sidang redaksi Buletin HEPA kerana berkat kesungguhan, mereka dapat menghasilkan dan menerbitkan buletin ini untuk edisi Pertama Tahun 2009. Walau dalam kesibukan dengan rutin tugas seharian, mereka masih mampu memberi ruang masa menghimpun dan menyusun berita-berita,

perkembangan dan kemajuan HEPA untuk dikongsi bersama. Pastinya, tanpa kesungguhan yang tinggi, segala tanggungjawab yang diamanahkan tidak mungkin berjaya dilaksanakan dengan sempurna.

Setinggi penghargaan kepada Pengurusan UTeM atas kepercayaan untuk saya menerajui HEPA buat masa ini. Berada di sini, dalam warga kerja HEPA menghamparkan pelbagai cabaran yang cukup hebat bukan sahaja kepada saya, malah cabaran itu turut dijanjikan kepada seluruh warganya. Namun, saya yakin, warga HEPA cukup kuat, bersemangat jitu untuk memacu HEPA mencapai pelbagai kejayaan. Teguhnya, HEPA bukan di atas bahu saya seorang, tetapi turut dipikul bersama seluruh tenaga kerjanya. Pesan saya, jadikan teamwork sebagai budaya agar hasil kerja yang dilakukan lebih kompeten dan ber-kualiti. Seperti kata pepatah "Yang berat sama-sama kita pikul, yang ringan kita tambah mudahkan", "Peha kanan yang dicubit, seluruh anggota menjalar sakitnya". Saya percaya, sekiranya budaya semangat kerja berpasukan ini dapat diamalkan di kalangan warga HEPA, kita akan dapat menempuh segala cabaran yang datang dengan penuh rasa keikhlasan dan hati terbuka seterusnya mampu merealisasikan visi dan misi universiti.

HEPA kini telah beroperasi di Kampus Induk, Durian Tunggal seterusnya merealisasikan impian berpijak di bangunan sendiri. 17 November 2008 merupakan tarikh HEPA bertapak di sini. Bangunan yang tersergam, pemandangan indah berhadapan tasik menghadap bangunan Dewan Besar, persekitaran yang nyaman mampu memberikan suasana kerja yang lebih baik. Jangan kita persia-siakan kemudahan yang diberi. Jadikan ia pembakar semangat untuk kita terus memperkasakan HEPA.

Di kala ini, pelbagai isu semasa yang timbul, antaranya Isu Palestin dan Isu Buli. Menyentuh isu Palestin, seluruh dunia perlu bangkit menentang kekejaman rejim Israil yang berwajah insan tetapi berhatikan haiwan dan bertuhankan syaitan. Kekejaman terancang ini tidak patut dimaafkan lagi. Saban hari ada sahaja nyawa yang gugur, bangunan yang musnah tersungkur dan pelbagai lagi. Walaupun jarak yang memisahkan kita beribu-ribu batu, itu tidak bermaksud kita hanya duduk diam membisu dan kaku. Untuk pergi berjuang sama, mungkin ramai yang tidak mampu. Sekurang-kurangnya kita masih mampu untuk memohon pertolongan kepada Tuhan Yang Satu. Antaranya adalah dengan membaca doa qunut Nazilah. Amalan ini seakan-akan tidak popular dan jarang-jarang diamalkan di Malaysia.

Manakala, masalah buli di kalangan pelajar bukanlah satu isu yang baru di negara ini. Pelbagai jalan penyelesaian dan pendekatan terbaik telah diambil oleh pihak bertanggungjawab bagi mengatasi gejala ini, malah mereka juga telah membelanjakan jutaan wang ringgit bagi mengatasi masalah ini dari terjebak luas. Harapan saya agar gejala ini dapat dihentikan serta-merta daripada berlaku sesuatu yang lebih teruk di peringkat rendah mahupun di peringkat pengajian tinggi IPT.

Di harap agar Mahasiswa/i UTeM khususnya dan mahasiswa lain amnya langsung tidak terlibat dalam gejala yang tidak sihat ini. Golongan Mahasiswa/i hendaklah memacu dan memandu ilmu yang diperolehi agar sejajar dan sehaluan dengan idealisme sejagat. Ia dianggap penting bagi membantu Mahasiswa/i menggunakan ilmu dan pengalaman yang dimiliki ke arah kebaikan dan bukan keburukan.

Sekian coretan saya pada kali ini. Wassalam dan bertemu lagi.


Pustaka	
Universiti Teknikal Malaysia Melaka	
No. Perolehan MUKCH)	No. Panggilan
40330	LB 3602
Tarikh	
31 OCT 2009	
1984	

Kursus Pengukuhan PRS di Pulau Pangkor

24-27 NOVEMBER 2008 : Pangkor Village Resort, Pulau Pangkor, Perak, seramai 16 orang Fasilitator dari Kelab Pembimbing Rakan Siswa UTeM telah mengadakan Kursus Pengukuhan Pembimbing Rakan Sebaya khususnya kepada mahasiswa/i. Program ini disertai seramai 67 orang mahasiswa/i.

Antara aktiviti-aktiviti yang telah dirangka adalah Ice Breaking dalam kumpulan dan Kenali Saya, Team Building, Malam Persembahan Kebudayaan, Kemahiran Kaunseling Kelompok, Komunikasi Berkesan serta Kemahiran Mendengar.

Program ini bertujuan mendedahkan teknik-teknik asas PRS seperti kemahiran berkomunikasi, kemahiran mendengar, kemahiran melayan yang penting diketahui dan diamalkan oleh ahli-ahli PRS selain melahirkan sifat kepimpinan, bertanggungjawab



dan mesra di kalangan ahli-ahli PRS UTeM. Ia juga dapat membantu rakan-rakan siswa UTeM yang bermasalah emosi, mental, akademik, dan peribadi terlebih dahulu, sebelum dirujuk kepada kaunselor UTeM untuk diberi sesi kaunseling kelompok secara professional.

EKSPEDISI BINTANG HATI

23-28 NOVEMBER 2008: Taman Rekreasi Sedim, Kulim, Kedah Darul Aman: Ekspedisi Bintang Hati merupakan aktiviti Kelab Rekreasi dan Sukan Ekstrim (KeReX) UTeM dengan kerjasama HEPA UTeM yang diambil sempena nama gunung yang didaki iaitu Gunung Bintang. Ekspedisi ini telah disertai seramai 64 orang peserta.

Selain aktiviti mendaki, KeReX juga mengadakan aktiviti White Water Rafting (WWR) yang dilakukan di Sungai Sedim. Gunung Bintang terletak di Sedim, Kulim Kedah yang merupakan puncak yang paling hampir dengan Pulau Mutiara. Secara tepatnya, Gunung Bintang ini berkedudukan 1862 meter dari paras laut.

Antara objektif utama ekspedisi ini adalah bertujuan untuk mencipta kepelbagaian aktiviti rekreasi mahasiswa/i UTeM melalui penganjuran aktiviti seperti white water rafting, water tubing dan merasai pengalaman menaiki jambatan gantung terpanjang di dunia, mencungkil bakat kepimpinan kelab yang baru bagi meneruskan aktiviti di bawah Kelab KeReX, memupuk semangat kerjasama, perpaduan dan kekitaan di kalangan peserta, menarik minat pelajar baru meminati aktiviti pendakian gunung ini seterusnya memperkenalkan kelab

untuk mencari ahli baru.

Perjalanan ekspedisi pada kali ini berjalan lancar walaupun terdapat beberapa perkara yang tidak dijangka berlaku. Walau bagaimanapun, mereka yang terlibat dapat mengatasi masalah-masalah tersebut di mana semua peserta selamat sampai ke bawah walaupun terdapat peserta yang mengalami sedikit kecederaan. Selain itu, melalui pendakian ini ianya telah mengeratkan lagi hubungan para peserta walaupun berlainan fakulti.

Diharap agar program-program seperti ini akan terus dijalankan di masa-masa yang akan datang.



Lawatan Ilmiah MPP ke Beijing, China

25-29 NOVEMBER 2008, Seramai 20 orang peserta iaitu Prof Dr. Zolkepli Bin Buang, Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni dan En. Mahathir Bin Mazizan, Penolong Pendaftar, Unit Kerohanian HEPA serta 18 orang Mantan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UTeM sesi 2007/2008 telah berpeluang mengikuti Lawatan Ilmiah MPP ke Beijing yang mana merupakan lawatan luar Negara yang dianjurkan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni.

Program pengantarabangsa ini bertujuan mendedahkan pemimpin mahasiswa kepada sistem pembelajaran, aktiviti-aktiviti dan kebajikan mahasiswa serta pengalaman di luar negara bagi merealisasikan misi dan visi UTeM untuk melahirkan pemimpin berkaliber yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang luas terutamanya di dalam aspek kepimpinan.

Selain itu juga, ia dapat mewujudkan dan mengeratkan hubungan antarabangsa dan diplomatik antara pemimpin-pemimpin mahasiswa UTeM dengan pemimpin-pemimpin mahasiswa universiti sekitar Beijing di samping memperkenalkan UTeM sebagai universiti teknikal pertama Malaysia sekaligus mengenali dan mendekati sistem pengajaran dan pembelajaran di universiti-universiti

Wakil Kedutaan Malaysia. yang dilawati dalam mencapai misi menjadi sebuah universiti teknikal bertaraf antarabangsa.



Antara tempat-tempat yang dilawati adalah Peking / Beijing Universiti, Tshinghua Universiti, Kedutaan Besar Malaysia, Forbidden City, Summer Palace, Tembok Besar China, Pusat Sukan Olimpik, Tea House & Kilang Mutiara, Kilang Jed & Kristal, Tian'anmen Square (Gate of



Lawatan ke Peking universiti.



Lawatan Ke Forbidden City (Kota Larangan).

Heavenly Peace) dan Pusat Rawatan Tradisional China.

Secara keseluruhan, Lawatan Ilmiah MPP Ke Beijing 2008 ini telah dijalankan dengan jayanya dan mencapai objektif yang digariskan. Kesemua peserta telah memberi komitmen padu dalam memastikan segala objektif yang digariskan tercapai.



Lawatan Ke Pusat Sukan Olimpik.



Bersama Exco MPP Universiti Tshinghua.

FESTIVAL ZAPIN MAKUM 2008

Festival Zapin Majlis Kebudayaan Universiti-Universiti Malaysia (MAKUM) telah diadakan pada 1 hingga 4 Disember 2008 bertempat di Universiti Putra Malaysia (UPM). Ianya suatu program yang berjaya menarik minat generasi muda dan satu pendekatan yang baik dalam memberi peluang kepada mahasiswa/i menonjolkan bakat. Festival Zapin ini diungguli oleh UPM, manakala tempat ke-2 pula disandang oleh Universiti Malaya (UM) dan tempat ke-3 oleh Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Pertandingan yang berlangsung selama 4 hari 3 malam ini disertai oleh 18 buah kumpulan yang terdiri daripada pelbagai Universiti dari seluruh Malaysia. Kumpulan Tarian Kasawari dari UTeM turut tidak ketinggalan menyertai dengan mempertaruhkan Zapin Ros'Kalas (Sarawak).

Walaupun tidak membawa sebarang kemenangan, Kumpulan Tarian Kasawari (UTeM) tidak kecewa malah ia memberi semangat dalam terus mencuba dan memperingkatkan lagi kualiti seni zapin. Di harap, pertandingan kali ini dapat memberi peluang kepada Kumpulan Tarian Kasawari UTeM untuk memperkukuhkan lagi teknik tarian mereka disamping menjadi platform terbaik untuk UTeM menempah nama di persada Negara.



DEBAT DIRAJA ANTARA UNIVERSITI - UNIVERSITI AWAM MALAYSIA 2008

28 NOV - 3 DIS 2008: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) telah menganjurkan Pertandingan Debat DiRaja Antara Universiti - Universiti Awam Malaysia 2008 dengan kerjasama MADUM (Majlis Debat Universiti - Universiti Malaysia) bertempat di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Gombak. Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah mendaftarkan sebanyak 4 pasukan bagi kategori Bahasa Melayu untuk menyertai pertandingan ini serta diiringi oleh 2 orang pegawai pengiring.

Pasukan Debat UTeM telah memulakan saingan pada 29 November 2008 dan seterusnya hingga ke saringan ke enam iaitu pada 30 November 2008 sekaligus berjaya melalui semua peringkat saringan

tetapi gagal menempatkan diri ke peringkat suku akhir. Tujuan utama program ini untuk memberikan pendedahan kepada pendebat - pendebat lapisan baru bukan hanya mengejar kemenangan semata-mata.

Majlis Penyampaian Hadiah dan Perasmian Penutup Pertandingan Debat DiRaja Antara Universiti - Universiti Awam Malaysia 2008 telah diadakan pada 3 Disember 2008. Antara tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Presiden UIAM, Tan Sri Mohd Sidek Hassan, Pemangku Rektor Merangkap Rektor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) UIAM, Dato' Hamidon Abd Hamid dan Timbalan Rektor Akademik dan Penyelidikan, Prof Datuk Dr. Md Tahir Azhar.



KURSUS ASAS KEUSAHAWANAN SISWA (KAKS) SIRI 2/2008

KURSUS ASAS KEUSAHAWANAN SISWA (KAKS) Siri 2/2008 telah diadakan pada 1-5 Disember 2008 bertempat di



Hotel Seri Malaysia, Port Dickson, Negeri Sembilan. Seramai 38 peserta yang kebanyakannya merupakan pelajar tahun akhir telah menyertainya. Kandungan kursus

dan Koperasi. Untuk mendapatkan modal memulakan perniagaan, para pelajar boleh mendapatkan pinjaman sehingga RM 250,000.00. Melalui kursus ini, para peserta juga diharap menambahkan pengetahuan dan pengalaman dalam bidang keusahawanan selain membantu pelajar membuat persediaan melalui pendedahan yang diberikan dalam memilih keusahawanan sebagai kerjaya pilihan.



ini adalah selaras dengan kandungan kursus yang dianjurkan oleh Pusat Pembangunan Usahawan Malaysia.

Pelajar-pelajar yang telah mengikuti kursus ini layak membuat pinjaman daripada agensi-agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan



Antara modul yang ditekankan pada program ini adalah Usahawan Kerjaya Pilihan, Bantuan Kewangan SME Bank, Tatacara & Undang-Undang Penubuhan/ Perniagaan Syarikat, Pentadbiran Operasi Perniagaan dan Pengurusan Pemasaran & Kewangan selain berpeluang mendengar dan berkongsi pengalaman bersama usahawan yang merupakan bekas pelajar UTeM.

Kursus Pengurusan Organisasi (KPO)

24-26 NOVEMBER 2008, Ismah Beach Resort, Pantai Padang Kemunting, Melaka : Seramai 22 orang ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) sesi 2008/2009 telah menyertai Kursus Pengurusan Organisasi



(KPO) yang telah dianjurkan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni (HEPA) Universiti Teknikal Malaysia Melaka. Antara objektif utama Kursus Pengurusan Organisasi tersebut diadakan adalah untuk memberikan pendedahan awal kepada ahli Majlis Perwakilan Pelajar mengenai cara pengurusan sebuah organisasi. Di samping itu, kursus

ini juga bertujuan untuk menerangkan betapa pentingnya pengurusan sebuah organisasi dalam sebuah universiti. Di harap, dengan adanya kursus seperti ini, pengurusan sebuah organisasi itu dapat dilaksanakan dengan lancar.



ESQ Training Leadership

28-30 NOVEMBER 2008: Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) telah menghantar seramai 22 orang ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) sesi 2008/2009 bagi menyertai kursus

asas ESQ Training Leadership. Kursus selama tiga hari ini telah diadakan di Kuala Lumpur International Hotel, Kuala Lumpur. Ianya bertujuan membantu serta



mendalami isi hati para peserta mengenai erti kehidupan seterusnya menerangkan betapa pentingnya menjaga kebersihan rohani dan jasmani dalam menghadapi hidup di dunia yang fana ini.



Seminar Pengukuhan Pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah Dalam Dunia Melayu

22 DISEMBER 2008 bersamaan 24 Zulhijjah 1429H : Seramai 19 ahli Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Teknikal Malaysia Melaka telah menghadiri satu Seminar Pengukuhan Pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah Dalam Dunia Melayu bertempat di Ballroom



Hotel Holiday Inn, Melaka. Seminar tersebut telah dianjurkan oleh Biro Dakwah Dunia Melayu Dunia Islam bersempena dengan Konvensyen Dunia Melayu Dunia Islam.



Seminar Pengukuhan Pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah ini telah dirasmikan oleh Y.A.B Datuk Seri Hj. Mohd Ali Bin Mohd Rustam, Ketua Menteri Melaka. Antara penceramah utama yang hadir dalam seminar tersebut ialah Dr. Muhammad Uthman El Muhammady, Prof. Dr. K.H. Muhibbuddin

Muhammad Waly dan Ustaz Zul Ramli Bin M. Razali. Antara objektif utama seminar ini adalah memberi penerangan yang menyeluruh mengenai peranan utama Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam mencorak dunia Melayu masa kini.




Pesta Cahaya 2009

17 JANUARI 2009: Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar UTeM telah menganjurkan Pesta Cahaya 2009 bertempat di Amphitheater, Dataran Sejarah, Ayer Keroh, Melaka. Dengan bertemakan "Celebrate



The Richness of Colours", pesta ini telah dirasmikan oleh wakil dari Kementerian Sumber Manusia, Y.B. Dr S. Subramaniam dan turut dihadiri oleh Dekan HEPA, Y.Bhg. Prof. Dr. Zolkepli Bin Buang. Pesta ini turut meriah dengan kehadiran pelajar UTeM, masyarakat luar dan juga para pelajar dari Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).



Para hadirin dihiburkan dengan pelbagai jenis tarian masyarakat india di Malaysia dan disambut dengan penuh warna-warni seterusnya dihidangkan dengan makanan tradisi masyarakat india. Menurut

Pengarah Pesta Cahaya pada kali ini, Saudara Kalai Ganes, ia merupakan Pesta Cahaya yang paling meriah dan penuh warna-warni berbanding tahun lepas. Di harap, dengan adanya program seperti ini dapat megeratkan perpaduan di antara kaum di UTeM selain ikatan persaudaraan diwujudkan.



Festival Nasyid MAKUM 2008

Kesepaduan suara, kemantapan alat perkusi dan diselangi keunikan gaya persembahan merupakan aspek penting dalam pelbagai festival nasyid peringkat kebangsaan (MAKUM) IPTA. Pada 1 hingga 3 Disember 2008, seramai 8 orang ahli nasyid UTeM telah menyertai pertandingan Festival Nasyid IPTA MAKUM 2008 yang telah diadakan di Dewan Sultan Iskandar, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai, Johor. Pertandingan pada kali ini telah disertai oleh 15 buah IPTA seluruh Malaysia.

Pada pertandingan tersebut, pasukan UTeM telah gagal untuk melayakkan diri ke peringkat akhir yang mana hanya 7 kumpulan terbaik akan bertanding. Walaubagaimanapun, kumpulan nasyid UTeM tidak merasakan ianya sebagai satu halangan untuk meneruskan perjuangan Nasyid sekaligus mendapat tempat di pelbagai festival seni suara ini.



KARNIVAL OUTDOOR UTeM 2008

11-13 DISEMBER 2008, Amberstone Eco Resort, Ulu Yam, Selangor: Karnival Outdoor UTeM 2008 merupakan satu aktiviti yang telah dianjurkan oleh Majlis Perwakilan Pelajar dan Kelab Rekreasi dan Sukan Ekstrim (KeReX) UTeM dengan kerjasama HEPA UTeM melibatkan hampir 500 orang pelajar dan juga 20 orang fasilitator HEPA.

Program ini diadakan bersempena dengan pengisian stadium pada Majlis Perasmian 14th Asean University Games (Aug) 2008 yang mana bertujuan memastikan pelajar mendapat satu pendedahan dan pengalaman yang berkesan, bermanfaat dan berilmu khususnya bagi pelajar yang baru menjejaskan di universiti agar punya kekuatan dalam mengharungi cabaran hidup di kampus, mengisi masa lapang pelajar dengan pengisian yang menarik dan

mencabar agar dapat menghindari mereka daripada terjebak di dalam aktiviti negatif dan kurang sihat yang berleluasa di samping mengeratkan hubungan antara mahasiswa di universiti dan memupuk integrasi kaum, bangsa dan agama untuk bersatu-padu dan bekerjasama.

Di dalam pelaksanaan karnival ini, para peserta telah diberi pendedahan tentang beberapa modul dalam aspek pembangunan pelajar iaitu modul 'Kenal Mesra' - mengenali antara satu sama lain terutamanya dengan pelajar yang tidak dikenali tambahan pula berlainan kursus, tempat tinggal, bangsa dan agama yang mana bertujuan memupuk semangat setia kawan dan kerjasama dalam kumpulan, integrasi kaum serta membuang rasa malu dan sombong diri. Manakala modul 'Aktiviti Dalaman' - mendedahkan pelajar kepada perkongsian pengetahuan, pengalaman yang berbeza dan pelbagai oleh penceramah dan fasilitator program. Modul ini bertujuan memberi input yang berguna

dan informasi bermanfaat kepada pelajar tentang pemantapan diri sebagai seorang mahasiswa. Modul yang terakhir ialah modul 'Aktiviti Outdoor' - memperkenalkan pelajar dengan pelbagai aktiviti rekreasi

sebagai satu pengalaman menarik dan mencabar yang mana bertujuan memberi peluang kepada pelajar untuk bergiat aktif dalam aktiviti luar agar dapat membentuk keperibadian dalam jangka masa yang singkat.

Antara aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang karnival ini ialah slot ice-breaking, team building games, jungle trekking to Sendat Waterfall, abseiling dan repeiling, orienteering challenge, persembahan kumpulan pelajar, jamuan BBQ serta sesi khidmat alam. Di akhir karnival ini, para peserta telah dibawa lawatan sambil belajar ke sekitar Putrajaya dan Stadium Nasional Bukit Jalil bagi menyaksikan Majlis Perasmian 14th Asean University Games (Aug) 2008.



Program Gotong-royong Masak Bubur Asyura Sempena Meraikan Sambutan Hari Asyura.

11 JANUARI 2009: Suatu Program Gotong Royong Memasak Bubur Asyura telah dijalankan dengan jayanya oleh JAKSIS Murni dan Exco Kerohanian bersama Rakan



Surau Kolej Kediaman Murni dengan kerjasama Pentadbiran Kolej Kediaman UTeM Murni bertempat di Perkarangan Kolej Kediaman UTeM Murni. Seramai 500 orang pelajar telah menyertai program gotong-royong pada kali ini. Tujuan utama program ini adalah untuk menghayati hari kebesaran Islam khususnya yang beragama Islam.



Majlis Bacaan Yaasin sempena meraikan tahun 1430 Hijrah dan tahun Baru 2009.

1 JANUARI 2009, Surau Kolej Kediaman UTeM Murni : Program Majlis Bacaan Yaasin sempena meraikan Tahun 1430H dan 2009 telah dijalankan dengan jayanya oleh JAKSIS Murni dan Exco Kerohanian bersama Rakan Surau Kolej Kediaman

Murni dengan kerjasama Pentadbiran Kolej Kediaman UTeM Murni. Program tersebut bertujuan untuk merapatkan hubungan dikalangan siswa muslim Kolej Kediaman UTeM, memberi penghayatan mengenai pembaharuan yang perlu dilakukan oleh setiap mahasiswa dan meraikan tahun baru hijrah dalam Islam.



Bengkel Pengurusan Strategik JAKSIS MURNI

8 FEBRUARI 2009, Klebang Beach Resort, Tanjung Kling, Melaka: Bengkel Pengurusan Strategik JAKSIS MURNI telah dijalankan oleh anjuran



JAKSIS Murni dan Pentadbiran Kolej Kediaman UTeM Murni. Pada bengkel pada kali ini, seramai 40 orang peserta telah menyertai. Selain menjadikan satu

medan interaksi antara AJK JAKSIS dengan pengurusan asrama, program ini juga bertujuan memantapkan organisasi dan memperkemaskan kemahiran untuk membuat segala kerja yang diamanahkan.



MURNI CERGAS 2009

18 JANUARI 2009: Program Murni Cergas 2009 telah dijalankan dengan jayanya oleh JAKSIS Murni dan Pentadbiran Kolej Kediaman UTeM Murni yang berlangsung di Perkarangan Kolej Kediaman UTeM Murni. Program Murni Cergas 2009 telah bermula pada jam 7.00 pagi dan seramai 70 orang pelajar telah menyertai. Program tersebut bertujuan menjadikan mahasiswa/i cergas badan dan cerdas akal dalam menempuhi waktu pembelajaran dan pengajaran di universiti.



Konvensyen dan Karnival Keusahawanan Siswa IPTA 2008

7-10 JANUARI 2009, Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok, Kedah: Seramai 13 orang pelajar dari UTeM telah menyertai Konvensyen Dan Karnival Keusahawanan Siswa IPTA (KARNIAWAN) anjuran Universiti Utara Malaysia. KARNIAWAN ini dianjurkan bertujuan untuk menghargai dan memberi pengiktirafan kepada mahasiswa yang member komitmen dalam keusahawanan. Ia juga memberikan motivasi untuk melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti yang diceburi selain memupuk minat dalam bidang keusahawanan.

Berbagai aktiviti telah diaturkan

sepanjang program tersebut berlangsung. Antaranya ialah Anugerah Rancangan Perniagaan, Projek Keusahawanan, Anugerah Usahawan Siswazah, Pertandingan Booth Terbaik, Catur Bistari Dan Jejak Usahawan. Para peserta juga berkesempatan mengikuti pembentangan kertas kerja, Forum Keusahawanan dan Bual Bicara Keusahawanan. Selain dari aktiviti di




dalam dewan, peserta juga terlibat dengan aktiviti jualan di mana booth disediakan untuk peserta-peserta berniaga dan mengadakan pameran.

Majlis penutup telah disempurnakan oleh wakil Y.B Dato' Noh Bin Omar (Menteri Pembangunan Usahawan Dan Koperasi). Dalam majlis tersebut, Encik Azrul Aziz, Pengarah Eksekutif dari G2Com Technologies Sdn Bhd yang merupakan bekas pelajar UTeM telah mendapat "Anugerah Usahawan Siswazah 2008". Peserta-peserta UTeM juga telah berjaya mendapat tempat kedua dalam Pertandingan Catur Bistari



KEM KEMBARA IMAN 2009

16-18 JANUARI 2009, Taman Hutan Lagenda Gunung Ledang, Johor - Badan Dakwah dan Rohani (BADAR) dan Unit Kerohanian Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni telah berjaya menganjurkan program Kem Kembara Iman 2009. Pada program kali ini, seramai 150 pelajar yang terdiri daripada pelajar tahun 1 UTeM telah menyertai dan memberikan komitmen yang padu dalam menjayakannya. Program selama tiga hari dua malam ini telah diisi dengan pelbagai acara ilmiah dan riadah antaranya ceramah, bengkel (LDK), kembara alam, "treasure Hunt" dan qiamullail.



Antara objektif utama program ini adalah untuk mendidik dan memberi kesedaran kepada mahasiswa/i betapa pentingnya ilmu, iman, akhlak, moral dan etika selain menyedari tentang pentingnya ilmu pengetahuan agama terutamanya di peringkat remaja seterusnya dapat merapatkan hubungan silaturrahim sesama insan. Secara keseluruhannya, program ini dikatakan telah mencapai kejayaan dan objektif. Diharap agar program seperti ini dapat diadakan pada masa-masa akan datang.

Sambutan Maulidurrasul S.A.W peringkat HEPA 2009

27 MAC 2009 bersamaan 30 Rabiul Awal 1430H, Durian Tunggal : Sambutan Maulidurrasul S.A.W peringkat HEPA telah diadakan bertempat di bangunan HEPA, Kampus Induk. Sambutan ini telah dianjurkan oleh Kelab Usrati 2009 dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal pelajar &

Alumni. Majlis pada pagi itu dimulakan dengan sesi ceramah oleh penceramah jemputan iaitu Y.Bhg Ustaz Ahmad Fahim Bin Haji Robbani (Pensyarah MMU) bertajuk "Semarak Rindu Rasulullah" dan diakhiri dengan berselawat ke atas nabi junjungan S.A.W beramai-ramai.

Pertukaran Budaya UTeM ke Sekolah Tinggi Seni Indonesia (STSI)

KELAB KEBUDAYAAN DAN KESENIAN WARISAN telah menghantar seramai 16 orang pelajar termasuk 2 orang pegawai pengiring bagi menjayakan Program Pertukaran Budaya

UTeM ke Sekolah Tinggi Seni Indonesia (STSI). Program ini dianjurkan oleh Unit Kebudayaan & Warisan, Bahagian Hal ehwal pelajar & Alumni UTeM dengan kerjasama Sekolah Tinggi Seni Indonesia pada 27-30 Januari 2009.

Antara objektif utama program ini adalah bagi mewujudkan hubungan dua hala antara UTeM dan STSI dengan penekanan tentang ilmu seni persembahan dan seni budaya selain memperkenalkan Kelab Kebudayaan UTeM khususnya ke peringkat antarabangsa di dalam usaha mencapai visi menjadikan UTeM sebuah universiti bertaraf dunia. Selain itu juga, ianya dapat menambahkan lagi ilmu pengetahuan berkenaan kehidupan masyarakat kaum

Minangkabau dan adat kaum Minangkabau.

Secara kesimpulannya, objektif program ini tercapai walaupun dalam masa yang singkat, peserta dapat bertukar-tukar pendapat dan pandangan dari segi budaya dan sistem pengurusan disana.



Lawatan Universiti Petra Kristen Surabaya ke UTeM

19-30 JANUARI 2009 : Pihak Universiti telah menerima lawatan dari wakil Badan Eksekutif Mahasiswa (BEM) dari Universitas Kristen Petra, Surabaya. Pelbagai program telah dirancang sepanjang kehadiran mereka di sini bagi menayakan program ini.

Lawatan ini dimulakan dengan perjumpaan bersama staf Bahagian Pembangunan Akademik dan Antarabangsa (BPAA) dan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) sebagai wakil dari pihak UTeM. Manakala, Badan Eksekutif Mahasiswa (BEM) dari Universitas Kristen Petra, Surabaya adalah seramai 7 orang yang terdiri daripada 3 perempuan dan 4 lelaki. Sejurus selepas perjumpaan tersebut rombongan ini telah dibawa untuk melawat sekitar kampus induk, kampus industri dan kampus bandar.

Wakil dari badan BEM turut menghadiri sesi kuliah bersama pelajar tahun 2 Fakulti Teknologi Maklumat Dan Telekomunikasi (FTMK) dalam matapelajaran "Critical And Creative Thinking" di Kampus Industri dan kuliah "Ethnic Relation" bersama pelajar tahun

2 Fakulti Kejuruteraan Elektronik Dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK) di kampus Induk serta kuliah Technical Communication II bersama dengan pelajar tahun 2 Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) di Kampus Induk. Wakil dari BEM diberi peluang untuk beramah mesra bersama pelajar UTeM sendiri sekaligus dapat merasai cara pembelajaran yang diaplikasikan di UTeM. Selain itu, mereka turut didedahkan dengan budaya dan kesenian persembahan tarian dan orkestra UTeM.

Pihak Universiti turut mengadakan sesi dialog antara UTeM dan Universitas Kristen Petra. Sesi ini dimulakan dengan perkenalan di antara dua pihak dan penerangan tentang organisasi masing-masing. Kemudian, diteruskan dengan soal jawab tentang fungsi, aktiviti dan peranan MPP di dalam dan luar universiti. Selain itu juga, mereka disajikan dengan aktiviti sukan iaitu aktiviti berkayak dan perlawanan persahabatan badminton. Aktiviti gotong royong turut dijalankan bersama penduduk Kampung Sri Tanjung, Masjid

Tanah. Seramai 27 peserta telah mengikuti aktiviti ini terdiri dari wakil MPP, BEM dan juga pelajar Indonesia di UTeM.

Mereka juga berkesempatan melawat ke beberapa tempat yang menarik di sekitar Melaka antaranya melawat ke Eyes On Malaysia, Menara Taming Sari, menaiki bot menyusuri Sungai Melaka dan membeli-belah di Mahkota Parade dan Dataran Pahlawan. Satu Majlis Makan Malam turut diadakan bagi meraikan kehadiran wakil BEM Universitas Kristen Petra di Umbai. Diharap, aktiviti seperti ini dapat mengeratkan lagi hubungan antara mahasiswa/i serta mewujudkan budaya hormat menghormati antara satu sama lain.



23-27 JANUARI 2009, Hutan Lipur Berkelah, Kuantan, Pahang: Seramai 34 orang peserta dan seorang pegawai pengiring telah menyertai Ekspedisi Gunung Serudum dan Abseiling yang dianjurkan oleh Kelab Rekreasi dan Sukan Ekstrim (KeReX) UTeM dengan kerjasama HEPA UTeM.

Gunung ini merupakan puncak tertinggi di Hutan Lipur berkelah. Puncaknya adalah sempadan antara daerah Kuantan dan daerah Sg. Lembing. Sebuah gunung yang masih sepi daripada kegiatan pendakian dan memiliki pelbagai jenis spesies periuik kera. Cabaran mendaki gunung ini adalah trek ke Hulu Berkelah yang agak jauh dan banyak melalui paya dan melintas sungai. Pendaki dibolehkan mendaki gunung ini melalui pintu gerbang Hutan Lipur Berkelah atau dari Ladang Agrotech, Gambang.

Antara objektif utama ekspedisi ini adalah bertujuan untuk memberi pengalaman merasai aktiviti abseiling di

Ekspedisi Gunung Serudum dan Abseiling

kawasan air terjun selain merasai cabaran pendakian gunung, mengisi masa cuti pertengahan semester pelajar dengan aktiviti yang berfaedah bagi mengeratkan silaturrahim antara pelajar, memberi pengalaman dalam mengharungi halangan di dalam hutan semasa penerokaan dan pendakian seperti river crossing di samping dapat mencungkil bakat kepimpinan kelab yang baru bagi meneruskan aktiviti di bawah Kelab KeReX, memupuk semangat kerjasama, perpaduan dan kekitaan di kalangan peserta, menarik minat pelajar baru meminati aktiviti pendakian gunung ini seterusnya memperkenalkan kelab untuk mencari ahli baru.



Kem Keindahan Bersama Al-Quran (KBQ)

23-25 JANUARI 2009: Exco Kerohanian MPP UTeM dengan kerjasama Unit Kerohanian, Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni (HEPA) telah mengadakan program Keindahan Bersama Al-Qur'an (KBQ) dengan bantuan daripada Kelab Iqra' UTM. Program ini telah diadakan di Dewan Masjid Sultan Ismail dan sekitar Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai.

Seramai 50 mahasiswa/i telah menyertai kem ini untuk mengindahkan lagi kemahiran membaca Al-Quran mereka.

Selain itu, perkongsian hukum-hukum serta perkara yang perlu diambil kira dalam mempelajari dan mengajar Al-Qur'an turut didedahkan dalam bentuk Ceramah, Bengkel, Qiamullail, Kembara dan lain-lain. Pengisian berbentuk 'in-door' dan 'out-door' ini memberikan impak yang maksimum kepada para peserta yang terdiri daripada mahasiswa tahun 1 hingga 4 pengajian di UTeM.

Program ini bertujuan membasmi kebutaan Al-Quran di kalangan mahasiswa/i sekaligus memahami teknik membaca Al-Quran dengan betul dan memberikan teknik mengajar kepada orang lain. Ia juga bertujuan melazimkan peserta mengamalkan ayat-ayat Al-Quran di dalam tindakan mereka seharian. Sesi interaksi dua hala sepanjang penyampaian ceramah ini memberikan pemahaman yang lebih jelas kepada para pelajar berkenaan sesuatu hukum dan topik yang disampaikan.



EKSPEDISI GUNUNG TEBU

6-8 FEBRUARI 2009, Lata Belatan, Besut, Terengganu Darul Iman : Seramai 70 orang peserta termasuk 2 orang pegawai pengiring telah mengambil cabaran untuk mendaki Gunung Tebu bagi melihat sejarah dan keunikan yang terdapat di Gunung Tebu. Ekspedisi ini telah dianjurkan oleh Kelab Rekreasi dan Sukan Ekstrim (KeReX) UTeM dengan kerjasama HEPA UTeM yang mana bertujuan sebagai latihan intensif yang hendak diketengahkan bagi menguji ketahanan fizikal peserta yang akan menyertai Ekpedisi Gunung Tok Nenek-Yong Yap pada 6-9 Mac 2009 selain daripada latihan jogging, wall climbing, frisbee dan berkayak.

Terkenal dengan lagenda dan mistiknya, gunung ini diberi nama Tebu kerana dikatakan ada seorang

lelaki yang sesat ketika mendaki gunung tersebut dan terjumpa sebuah ladang tebu semasa pendakiannya. Sejurus kemudian, dia terjumpa dengan seorang pahlawan yang bertanyakan tentang hala tuju pemuda itu. Pahlawan tersebut kemudian membawa pemuda itu menghadap sultan. Setelah sekian lama bersama sultan, pahlawan tersebut mengarahkan pemuda itu pulang. Selepas peristiwa itu, gunung itu diberi nama Gunung Tebu. Ianya dikatakan unik kerana terdapat sebuah kubur di puncak gunung serta dijadikan sebagai tempat pesilat-pesilat untuk bertapa.

Secara kesimpulannya, diharap program ini dapat mencungkil bakat kepimpinan kelab yang baru bagi meneruskan aktiviti di bawah Kelab KeReX, memupuk semangat kerjasama, perpaduan dan kekitaan di kalangan peserta, menarik minat pelajar baru meminati aktiviti pendakian gunung ini seterusnya memperkenalkan kelab untuk mencari ahli baru.



Perkemahan Budaya 2009

30 JAN-1 FEB 2009, Kem Saujana Asahan, Jasin, Melaka : Unit Kebudayaan & Warisan HEPA telah menganjurkan Program Perkemahan Budaya 2009 buat pertama kalinya bagi merapatkan hubungan diantara ahli yang bernaung di bawah Kelab Kebudayaan & Warisan. Penyertaan program ini terdiri daripada ahli-ahli yang bernaung di bawah Kelab



Kebudayaan dan Warisan.

Antara objektif program ini adalah mengeratkan hubungan antara ahli kumpulan seni yang bernaung di bawah kelab Kesenian, Kebudayaan dan Warisan, menjalin kemesraan sesama ahli di bawah satu rumpun, melahirkan mahasiswa yang berketrampilan dan berdaya kreatif melalui cetusan idea-idea yang bernas dan menarik di samping mampu meningkatkan nilai kesenian diperingkat yang lebih tinggi dan memupuk nilai-nilai murni dikalangan mahasiswa dalam menjiwai kehalusan seni, kesabaran dan kerjasama

dalam ahli pasukan.

Secara umumnya, program ini berjaya mencapai objektif program selain peserta dapat melakukan semua aktiviti dengan baik sekaligus melatih ketahanan mental dan fizikal setiap individu agar lebih berani mengharungi cabaran dunia akan datang.



Pesta Pantun Bestari 2009

PESTA PANTUN BESTARI 2009 telah diadakan pada 6 dan 7 Februari 2009 bertempat di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Pesta Pantun Bestari 2009 ini telah dianjurkan oleh Kolej Kediaman Keempat Universiti Malaysia (UM) dengan kerjasama Jabatan Warisan Negara Malaysia. Manakala, tema pesta pantun pada kali ini ialah "Kegemilangan Pantun Warisan Berabad". Pesta Pantun Bestari menyaksikan sekali lagi UKM selaku juara 2008 menggondol hadiah tempat pertama yang menewaskan IPBM di tempat kedua.

Sebanyak 11 buah Institut Pengajian Tinggi (IPT) yang telah menyertai pesta pantun ini iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Pendidikan Sultan Idris

(UPSI), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti Darul Iman Malaysia (UDM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Kolej Professional Mara (KPM), Institut Perguruan Bahasa Melayu (IPBM) dan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) yang mana telah diwakili oleh empat orang pemantun iaitu Noor Syafiq Shaari, Mohd. Rafiudin Rohani, Nurul Shahidah Ahmad Nasir dan Rozilawati binti Mohd. Nor.

Di peringkat saringan, UTeM, UIAM, IPBM dan UM telah layak ke peringkat suku akhir. Walaupun UTeM tidak layak ke peringkat seterusnya, pesta pantun ini dapat dijadikan batu loncatan untuk mempertingkatkan prestasi ke pertandingan yang akan datang. Pesta Pantun Bestari ini wajar diteruskan bagi memartabatkan kegemilangan budaya melayu yang makin ditelan arus kemodenan.



BENGGKEL PENGENDALIAN BILIK SIBER



21 FEBRUARI 2009 : Unit Penempatan Pelajar, Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni UTeM telah menganjurkan Bengkel Pengendalian Bilik Siber bertempat di Dewan Siber, Kampus Industri, UTeM. Bengkel ini dikhususkan kepada semua petugas-petugas Bilik Siber yang bertugas di Bilik Siber Kolej Kediaman UTeM. Antaranya, Kolej Kediaman Taman Tasik Utama, Bunga Raya dan Murni.

Bengkel yang dihadiri seramai 30 orang ini bertujuan memberikan pendedahan mengenai tanggungjawab sebenar Petugas Bilik Siber di



Kolej-kolej Kediaman UTeM seterusnya membentuk petugas Bilik Siber supaya dapat membantu pelajar-pelajar lain dalam menggunakan perkhidmatan Bilik Siber.

Bengkel yang mendapat kerjasama dari staf Pusat Komputer ini sedikit banyak memberi penyaluran maklumat atau pendedahan asas penyelenggaraan komputer kepada petugas Bilik Siber bagi menyediakan petugas Bilik Siber yang berilmu dan bertanggungjawab. Unit Penempatan Pelajar, HEPA berharap agar bengkel seumpama ini dapat diteruskan lagi bagi siri-siri yang akan datang khususnya kepada petugas-petugas Bilik Siber yang baru mengendalikan Bilik Siber di Kolej Kediaman.



Majlis Musabaqah Tilawah Al-Quran Jemputan Institusi Pengajian Tinggi Kali Ke-2

13-16 FEBRUARI 2009 :
 Universiti Islam
 Antarabangsa Malaysia
 (UIAM) Gombak, Kuala
 Lumpur. UTeM telah meng-
 hantar dua orang peserta
 iaitu Qari (Mohamad
 Zulhilmi Bin Ibrahim) dan
 Qariah (Raja Norazimah
 Binti Raja) ke Majlis
 Musabaqah Tilawah Al-Quran



Antara pemenang pada malam itu:
BAHAGIAN QARI:
 Tempat Pertama
 Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)
 Tempat Kedua
 Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
 Tempat Ketiga
 Universiti Malaysia (UM)
 Tempat keempat
 Universiti Pertahanan Negara Malaysia (UPNM)

BAHAGIAN QARIAH:
 Tempat Pertama
 Universiti Teknologi Melaka (UTM)
 Tempat Kedua
 Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
 Tempat Ketiga
 Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
 Tempat keempat
 Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)

Qari dan Qariah dari
 UTeM berjaya
 melayakkan diri ke per-
 ingkat akhir. Manakala,
 pada hari terakhir, majlis
 peringkat akhir dan
 penutup telah disempur-
 nakan oleh Dato'
 Hamidon Abd. Hamid,
 Timbalan Rektor (HEPA)
 UIAM. Berkat kesung-
 guhan yang ditunjukkan,
 Qari dari UTeM telah
 berjaya mendapat tempat
 pertama dan Qariah pula



Jemputan Institusi
 Pengajian Tinggi
 Kali Ke-2. Antara
 pengisian sepanjang
 program
 berlangsung iaitu
 Bengkel Tajwid &
 Fasahah yang dis-
 ampaikan oleh
 Imam Besar
 Masjid Sultan
 Salahuddin Abd

Aziz Shah, Shah Alam,
 Majlis Hi-Tea Bersama
 Dato' Hamidon Abd.
 Hamid, Timbalan
 Rektor (HEPA) UIAM
 dan Bengkel Taranum & Suara yang telah
 disampaikan oleh Ustaz Nik Azizan Bin
 Nik Ja'afar, Pengacara rancangan 'Miri
 Bertaranum' di TV9.

Pada pertandingan kali ini, seramai
 20 orang Qari dan Qariah dari pelbagai
 IPT telah menghantar penyertaan.
 Selepas sesi saringan berakhir, peserta

menyandang tempat keempat.

Kejayaan ini sedikit sebanyak berjaya
 mengangkat nama Universiti Teknikal
 Malaysia Melaka. Semoga pada tahun
 mendatang, wakil Qari dan Qariah UTeM
 akan terus mencapai kejayaan yang lebih
 gemilang. Tahniah!!!

KURSUS ASAS KEUSAHAWANAN SISWA (KAKS) SIRI 1/2009.

28 JAN - 2 FEB 2009: Unit Keusahawan,
 HEPA telah mengadakan Kursus Asas
 Keusahawan Siswa (KAKS) siri 1/2009
 bertempat di Hotel Seri Malaysia, Port
 Dickson, Negeri Sembilan. Seramai 81
 orang pelajar yang kebanyakannya
 pelajar tahun akhir yang telah mengikuti
 kursus ini

Kursus ini bertujuan untuk memberi
 pengetahuan kepada pelajar mengenai
 penubuhan perniagaan, bantuan latihan
 dan pengurusan perniagaan. Selain itu,
 kursus ini juga memberi kemahiran

kepada pelajar untuk menyediakan
 Rancangan Perniagaan.

Kursus ini bermula dengan ceramah
 perkongsian pengalaman usahawan
 diikuti dengan Motivasi Keusahawan.
 Para pelajar juga berkesempatan
 mendengar taklimat dari Institut
 Keusahawan Negara (INSKEN) men-
 genai program-program keusahawan.
 Seterusnya ceramah mengenai Bantuan
 Kewangan oleh SME Bank, Tatacara &
 Undang-Undang Penubuhan/Perniagaan
 Syarikat. Peserta juga diberi pendedahan
 mengenai - Program Keusaha-
 wan Anjuran PUNB dan
 Perniagaan Francais oleh
 Perbadanan Nasional Berhad
 (PNS).

Kursus ini juga mendapat juga
 mendapat kerjasama dari pihak
 Institut Pengurusan Teknologi
 Dan Keusahawan. Pensyarah
 dari IPTK memberi ceramah
 mengenai Pengurusan Operasi,
 Pengurusan Pemasaran dan
 Pengurusan Kewangan. Aspek
 lain yang ditekankan ialah
 penyediaan Rancangan



Perniagaan. Pensyarah-pensyarah telah
 membimbing pelajar-pelajar untuk
 menyediakan Rancangan Perniagaan
 kerana selain dari pengurusan per-
 niagaan, ia juga penting untuk permohon-
 an modal perniagaan dari agensi kera-
 jaan yang berkaitan.

Kementerian Pembangunan Usaha-
 wan Dan Koperasi telah menyalurkan
 peruntukan untuk menganjurkan kursus
 ini dengan tujuan untuk memberi
 pendedahan dalam bidang keusa-
 hawan dan seterusnya melahirkan
 lebih ramai usahawan di kalangan
 siswazah.



ZOOM HEPA





BANK ISLAM

JOHAN
MUSYAWAH TILAWAH AL-QURAN
SINAR INSTITUTE PESIGATAN TINGGI KAL KE-2 2009
SD1000.00

UteM

UteM

UteM



Latihan Asas Bantuan Kemanusiaan MASKUM 2008



27 NOV – 1 DIS 2008, MASKUM dengan kerjasama Unit Khidmat Masyarakat (Censerve) Bahagian Pembangunan Pelajar, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) telah menganjurkan program Latihan Asas Bantuan Kemanusiaan pada bertempat di UIAM yang bertujuan melahirkan mahasiswa yang mempunyai tanggungjawab sosial yang tinggi melalui aktiviti sukarela dan kemanusiaan.

Latihan ini disertai 75

orang mahasiswa/i yang terdiri daripada 16 Institusi Pengajian Tinggi Awam termasuk 5 orang mahasiswa/i UTeM. Sepanjang sesi latihan empat hari yang dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia, mereka diberi penerangan dan tunjuk ajar berkaitan kemahiran ketika memberi bantuan kepada mangsa bencana alam serta pendedahan mengenai rawatan kecemasan, penggunaan radio komunikasi, pengurusan bencana dan sebagainya.



Sesungguhnya latihan yang diterima oleh mahasiswa-mahasiswi ini menjadi panduan berguna dalam mempersiapkan diri mahasiswa bagi menyumbang bakti kepada masyarakat. Selain dapat berkongsi pendapat dan saling membantu, melalui program sebegini, peserta dapat menimba pengalaman dan pengetahuan baru untuk dipraktikkan bersama.

Bengkel Pemantapan Golden Key

6-8 MAC 2009 : Bengkel Pemantapan Golden Key telah dilaksanakan dengan jayanya bertempat di PDS Resort & Camp, Pasir Panjang, Port Dickson, Negeri Sembilan. Bengkel ini disertai seramai 60 orang peserta yang terdiri daripada pelajar yang mendapat keputusan CGPA 3.5 dan keatas di dalam peperiksaan semester 1 tahun 2008/2009.

Antara objektif utama bengkel ini adalah meningkatkan dan mengekalkan CGPA pelajar sekaligus meningkatkan kecerdasan minda, meningkatkan motivasi dan semangat belajar, meningkatkan kesedaran kepada pelajar tentang pentingnya pelajaran untuk mendapatkan kerjaya yang baik seterusnya melahirkan mahasiswa yang mempunyai



semangat yang kental, tabah, berdaya saing, tahan lasak dan tidak mudah menyerah kalah pada cabaran.

Bengkel berkenaan menyajikan pelbagai aktiviti menarik antaranya LDK (Colourful People dan Creative Thinking), merempuh Blindfold, membuat serta mendayung rakit dan ceramah yang disampaikan oleh Encik Ahmad Jowel (Kaunselor Kolej MARA, Seremban) yang menekankan perlunya pelajar menimba ilmu bagi meningkatkan tahap pembelajaran

ti menarik antaranya LDK (Colourful People dan Creative Thinking), merempuh Blindfold, membuat serta mendayung rakit dan ceramah yang disampaikan oleh Encik Ahmad Jowel (Kaunselor Kolej MARA, Seremban) yang menekankan perlunya pelajar menimba ilmu bagi meningkatkan tahap pembelajaran



mereka dan membangun emosi pelajar hebat. Selain itu juga, peserta juga disajikan dengan malam kebudayaan dan acara kerohanian iaitu Qiamullail, Solat Sunat Taubat, Solat Hajat dan lain-lain.

Secara keseluruhannya, semua peserta mengambil bahagian di dalam program dan memahami tujuan serta matlamat seterusnya mengeratkan hubungan kekeluargaan dan setia kawan.



Program Hati ke Hati

8 JANUARI 2009

Program Hati ke Hati telah diadakan bertempat di rumah pengetua Kolej Kediaman Taman Tasik Utama. Seramai 64 orang pelajar UTeM telah menyertai bagi memeriahkan dan



menjayakan program yang dianjurkan oleh Kolej Kediaman Taman Tasik Utama dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni (HEPA). Objektif utama program ini dianjurkan adalah untuk membincangkan segala permasalahan yang timbul di kolej kediaman seterusnya mewujudkan kemessaraan antara ketua-ketua rumah, pengetua, serta kakitangan kolej kediaman dan sebagainya.

Antara penekanan yang telah diambil oleh pengetua Kolej Kediaman TTU, Dr. Azizah Bte Shaaban iaitu berkenaan per-

anan ketua rumah dalam menjaga kebajikan ahli rumah seterusnya menjadi contoh kepada ahli rumah yang lain dari segi penglibatan aktiviti yang telah dianjurkan oleh pihak asrama. Pelbagai isu-isu telah dibincangkan dan diselesaikan bagi menyelesaikan pelbagai isu-isu yang diutarakan.



Majlis Ceramah Palestin



17 JANUARI 2009 : Majlis Perwakilan Pelajar bersama bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UTeM dengan kerjasama Pertubuhan Jamaah Islah Malaysia dan Masjid Al-'Alami MITC telah mengadakan majlis ceramah mengenai isu Palestin bertempat di Masjid Al-'Alami MITC Ayer Keroh, Melaka.

Pada hari tersebut, penceramah jemputan yang diundang khas ialah Yg. Bhg. Prof. Madya Dr. Hafidzi bin Mohd Noor, Pengarah Palestine Center of Excellence Malaysia (PACE). Pelbagai isu-isu semasa telah disampaikan antaranya sejarah keagungan negara Palestin, kezaliman Israel terhadap masyarakat di Palestin, tindakan umat Islam terhadap isu di Palestin dan sebagainya.

Penyampaian ceramah kali ini lebih menarik dengan adanya tayangan slide yang disediakan bagi memaparkan realiti yang berlaku di Palestin. Dianggarkan, seramai 450 orang jamaah yang terdiri daripada warga UTeM dan masyarakat luar menghadiri dan menjayakan majlis tersebut.



11 FEBUARI 2009, Kampus Induk : Program UTeM Unity Day 2009 telah berlangsung bertempat di Tempat Letak Kereta Kafeteria Pelajar 1 yang dianjurkan oleh Exco Perpaduan Dan Integrasi Kaum, MPP UTeM. Program ini telah disertai dan dijayakan oleh 25 orang ahli Sekretariat Exco Perpaduan Dan Integrasi Kaum yang bertujuan mewujudkan satu keadaan yang harmoni dalam kehidupan berbilang kaum di dalam UTeM.

Antara aktiviti yang telah dijalankan antaranya; menandatangani kain rentang sebagai tanda menyokong wujudnya perpaduan di dalam UTeM, aktiviti mencuci kereta bertujuan mengeratkan ikatan antara mahasiswa/i dalam Universiti dan sebagainya. Justeru itu, Exco Perpaduan Dan Integrasi Kaum telah menetapkan satu tarikh iaitu pada 28 Januari pada setiap tahun bahawa Unity Day akan disambut di UTeM.



Sorotan Kempen Keselamatan Jalan Raya UTeM 2009



Kempen Keselamatan Jalan Raya (KKJR) UTeM 2009 telah berlangsung dengan jayanya selama 10 hari bermula 23 Februari hingga 4 Mac 2009. Ia merupakan program anjuran Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (UTeM) dengan kerjasama JKML, MPP, JAKSIS, UTeM

Bikes, Kelab Debat dan mahasiswa/i UTeM.

Antara objektif utama kempen ini adalah menyedarkan mahasiswa dan kakitangan UTeM tentang keselamatan jalan raya, membimbing mahasiswa meng-

hargai diri dan menanamkan semangat jati diri dalam jiwa mereka, membantu pihak berkuasa menjayakan program 'zero' kemalangan seterusnya meningkatkan motivasi dalam diri mahasiswa.

Aktiviti-aktiviti yang diadakan sepanjang kempen ini berlangsung seperti

tayangan video, servis kenderaan dari Ban Zen Motor, Pameran Sekolah Memandu MSDC, Pameran Insurans Dari MAA Insurance dan Takaful Malaysia, Pameran JKJR, Pelepasan Konvoi, Kempen Derma Darah, Ceramah Polis, Pemberian 'Goodies' untuk warga UTeM dan sebagainya.

Manakala pada 25 Februari 2009, Majlis Perasmian dan Pelancaran Kempen Keselamatan Jalan Raya di telah diadakan bertempat di Dewan Pusat Sukan UTeM, Kampus Induk. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Y.B En. R. Perumal, Exco Kerajaan Negeri, Pengerusi Jawatankuasa Negeri, Pengangkutan, Penerangan dan Pengguna dan turut dimeriahkan dengan upacara konvoi beramai-ramai iaitu sebanyak 500 buah motorsikal yang terdiri daripada 1000 orang pelajar UTeM yang bermula dari Kampus Industri ke Kampus Induk. Perjalanan konvoi ini dibantu oleh 5 orang anggota dari Unit Trafik Ibu Pejabat Polis Kontinjen Melaka dan 'marshal' dari UTeM Bikes seramai 30 orang.




Bengkel Seni Ghazal 2009

27 FEB - 1 MAC 2009 : Exco Kesenian, Kebudayaan dan Warisan, Majlis Perwakilan Pelajar UTeM dengan kerjasama Unit Kebudayaan dan Warisan HEPA telah menganjurkan Bengkel Seni Muzik Ghazal 2009 buat pertama kalinya bagi mendedahkan pelajar tentang seni ghazal yang kian pudar pada masa kini

bertempat Kem Saujana Asahan, Asahan, Melaka.

Seramai 20 orang pelajar telah menyertai bengkel ini yang bertujuan mencungkil bakat-bakat



baru di kalangan pelajar, memberi pendedahan dan pengetahuan tentang seni Muzik Ghazal, memperluaskan warisan seni muzik ghazal, mengekalkan seni muzik tradisional ghazal secara turun temurun, menubuhkan sebuah

kumpulan seni muzik ghazal UTeM dan memastikan seni muzik ghazal tak lapuk dek hujan tak lekang dek zaman.

Majlis Penyampaian Watikah Majlis Perwakilan Pelajar UTeM sesi 2008/2009



Majlis penyampaian watikah Majlis Perwakilan Pelajar telah diadakan pada 7 November 2008 bertempat di MITC Ancasa Hotel, Melaka.

Penyampaian watikah telah disampaikan oleh Y.Bhg Prof. Dr. Ahmad Yusoff Bin Hassan, Naib Canselor UTeM. Pada majlis ini, semua Pegawai-pegawai Kanan UTeM



Nizam Bin Hussin dan seterusnya diikuti oleh barisan exco-exco.

Antara intipati ucapan Y.Bhg Naib Canselor UTeM,

beliau mengharapkan agar kepimpinan MPP UTeM sesi 2008/2009 menjadikan kebajikan

dijemput bagi memberi peluang kepada barisan MPP yang baru mengenali semua Pihak Pengurusan Tertinggi Universiti. Penyampaian watikah dimulakan dengan penyampaian kepada Yang Dipertua MPP iaitu Saudara Mohd Saiful

pelajar sebagai modul utama di dalam perjuangan mereka dan lebih matang dalam menjalankan amanah diberikan.

Diucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada mantan barisan MPP sesi 2007/2008 di atas segala komitmen yang diberikan sepanjang tempoh



perkhidmatan. Manakala, bagi barisan MPP sesi 2008/2009 tahniah diucapkan dan semoga dengan tanggungjawab yang telah diamanahkan dapat merealisasikan serta menjalankan tugas untuk meneruskan agenda memartabat dan memperjuangkan kebajikan pelajar khususnya dan kebaikan universiti amnya.

Bengkel Debat UTeM 2009

7-8 FEBRUARI 2009, Dewan UTeM 1, Kampus Industri : Kelab Debat Dan Pidato Bahasa Melayu UTeM telah menganjurkan satu bengkel debat yang disertai seramai 13 orang pelajar UTeM. Antara objektif utama program ini adalah memberikan pendedahan kepada pendebat-pendebat UTeM berkenaan konsep debat yang sebenar seterusnya melatih merancang strategi membuat konsep, strategi penghujahan, strategi bidasan, latihan debat serta teknik-teknik dalam perdebatan.

Antara Fasilitator yang terlibat dalam bengkel ini terdiri daripada bekas pendebat UTeM iaitu En. Awang

Mua'waludin Bin Ahat dan En. Ashabul Yamin Bin Mustakim. Manakala, Hakim terdiri daripada Majlis Debat Universiti Malaysia (MADUM) serta jurulatih debat UTeM iaitu En. Ahmad Badrul Hisham Che Kasim dan En. Khairul Afsan Abu Bakar.

Secara kesimpulannya, para peserta mendapat intipati yang sebaiknya berkenaan konsep perdebatan yang betul, berpeluang mempelajari atau mengaplikasi ilmu bidasan dan merancang strategi yang teratur di dalam perdebatan.



FORUM Mencari Cinta Sejati & Hakiki 2009

14 FEBRUARI 2009: Badan Dakwah dan Rohani (BADAR) dengan kerjasama Unit Kerohanian, Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni telah menganjurkan Forum Mencari Cinta Sejati & Hakiki 2009 bertempat di Dewan UTeM 1, Kampus Industri UTeM. Penyertaan program pada kali ini mendapat sambutan iaitu seramai 250 orang pelajar telah menyertainya. Antara objektif utama program ini adalah untuk memberi kefahaman yang sebenar kepada mahasiswa/i mengenai cinta mengikut perspektif Islam, menyampaikan dakwah kepada seluruh warga UTeM dan mengajar mahasiswa bagaimana cara bercinta berlandaskan syariat agama Islam serta mengelakkan mahasiswa dari terjebak dengan perkara-perkara maksiat yang boleh menjatuhkan maruah diri, agama, keluarga, masyarakat dan universiti.



Penceramah jemputan program ini ialah Ustaz Akhwan Affandi yang dijemput khas dari Pahang yang juga merupakan seorang pakar motivasi dan Ustaz Rohimi Bani yang merupakan seorang pegawai agama MAIM. Pengisian pada sesi pagi diisi dengan Slot ceramah yang bertajuk "Ada Apa Dengan Cinta" yang disampaikan oleh Ustaz Akhwan Affandi dan diikuti dengan slot forum yang bertajuk "Mengimpikan cinta Sesuci Embun Pagi" yang disampaikan oleh Ustaz Rohimi Bani dan Ustaz Akhwan Affandi dan dipengerusikan oleh Saudara Ahmad Ibrahim. Pengisian pada sesi petang pula lebih kepada konsep santai iaitu tayangan filem Islami yang bertajuk "Kiamat sudah Dekat" yang sedikit sebanyak memberi pengajaran kepada para peserta yang hadir.

MAJLIS ANUGERAH BAKTI & KEGEMILANGAN PELAJAR UTeM 2008



MELAKA, 11 FEBRUARI 2009 : Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni UTeM telah menganjurkan Majlis Anugerah Bakti dan Kegemilangan Pelajar UTeM 2008 yang diadakan di Dewan Sri Negeri, Melaka. Majlis tersebut telah dirasmikan oleh Y.Bhg Prof. Dr. Ahmad Yusoff Bin Hassan, Naib Canselor UTeM.



Anugerah Bakti dan Kegemilangan Pelajar UTeM diadakan bagi memberikan pengiktirafan dan penghargaan kepada mahasiswa/i yang berjaya dan cemerlang dalam bidang kokurikulum mahupun akademik. Selain itu juga, ia dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif di samping dapat memberikan motivasi kepada para mahasiswa/i untuk terus bersaing dan berlumba secara sihat demi meraih kejayaan dan kecemerlangan.

Dalam majlis tersebut, sebanyak 14 kategori telah dipertandingkan dan seramai 130 orang telah menerima anugerah pada malam tersebut. Antara anugerah yang dipertandingkan ialah Anugerah Olahragawan & Olahragawati, Anugerah Pasukan Terbaik & Pasukan Harapan, Anugerah Kebudayaan (Individu & Berkumpulan), Anugerah Kepimpinan, Anugerah Kemasyarakatan, Anugerah Pasukan Terbaik (Umum), Anugerah Pelajar Gemilang, Anugerah Kelab/Persatuan/Sekretariat



Terbaik, Anugerah Keusahawanan (Individu & Berkumpulan) dan Anugerah Kolej Kediaman Terbaik.


Diucapkan sekalung tahniah kepada semua calon-calon dan pemenang-pemenang anugerah yang telah dianugerahkan mengikut pencalonan yang ditentukan. Kepada mereka yang tidak memenangi di dalam sebarang pencalonan, diharap agar dapat berusaha dengan lebih di lain masa.



Majlis Amanat Dekan HEPA 2009

MELAKA, 24 FEBRUARI 2009: Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni UTeM mengadakan Majlis Amanat Dekan HEPA 2009 bertempat di Dewan Auditorium, Canselor, Kampus Induk. Pada majlis tersebut semua warga kerja HEPA hadir bagi menjayakan majlis tersebut.

Pada majlis tersebut, Dekan Hal Ehwal Pelajar & Alumni UTeM, Y. Bhg. Prof. Dr Zolkepli Bin Buang menegaskan bahawa HEPA adalah sebuah pusat pembangunan insan yang kreatif dan inovatif yang mana ianya mengandungi 2 peranan utama iaitu Pembangunan Pelajar dan Perkhidmatan Pelajar. Pembangunan pelajar wujud daripada program sokongan pembelajaran manakala kebajikan pelajar menjadi teras utama dalam perkhidmatan pelajar yang menjurus



kepada 4 bahagian iaitu kebajikan, kesihatan, kediaman dan khidmat kaunseling.

Selain itu juga, Dekan HEPA menyeru agar warga kerja mengambil serius di dalam beberapa aspek. Antaranya; pengukuhan pentadbiran, peningkatan kualiti kerja, perkemasan pengurusan aktiviti dan penyediaan prasarana yang kondusif bagi melahirkan graduan yang bersahsiah murni, berpersonaliti unggul dan mempunyai daya juang yang tinggi.

Di harap, kita semua dapat memanfaatkan segala amanat yang telah disampaikan agar segala perancangan dapat dilaksanakan dengan begitu komited seterusnya meneruskan impian universiti dan matlamat negara demi kesejahteraan agama, bangsa dan negara.

Santai Mesra 'Ice Cracking'

7 FEBRUARI 2009: Kolej Kediaman Taman Tasik Utama telah mengadakan program santai mesra 'ice cracking' yang melibatkan seramai 70 orang pelajar bertempat di Melaka Tropical Fruit Farm, Melaka.

Pelbagai aktiviti 'indoor' telah dijalankan, antaranya; tika terbang, bola beracun, dadu gergasi dan rantaian tali seterusnya berpeluang melawat ke sekitar Melaka Tropical Fruit Farm yang mana bertujuan mendekatkan peserta dengan alam sekitar.

Secara keseluruhan, melalui program ini, sifat pasif pelajar dapat dikikis dan membantu pelajar bersikap berani mengeluarkan pendapat serta lebih berkeyakinan. Pelajar juga diberi kesedaran mengenai konsep komunikasi berkesan dan interaksi positif sesama rakan selain dapat mewujudkan perasaan kekitaan, sikap kerjasama dan bekerja di dalam satu kumpulan yang lebih besar seterusnya menjalinkan hubungan mesra di kalangan pentadbir dan penghuni Kolej TTU.

Bengkel Effective Learning

Bengkel Effective Learning telah dilaksanakan dengan jayanya bertempat di Tiram Indah Village, Ulu Tiram, Johor pada 20 hingga 22 Februari 2009. Bengkel ini dihadiri seramai 60 orang pelajar berserta

10 orang fasilititor. Para peserta yang hadir terdiri daripada pelajar tahun 1 yang mendapat keputusan kurang dari 2.5 PNGK didalam peperiksaan semester 1 yang lalu.

Antara aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan adalah seperti ice breaking/taaruf, Kuliah dan solat berjemaah, sukane-ka dan ceramah yang disampaikan oleh Encik Ahmad Rozelan (Kaunselor UTeM) dan Encik Amir Aris dari IPTK (UTeM). Peserta juga dibekalkan dengan beberapa doa bagi memudahkan menghafal, mengingati apa jua pelajaran yang disampaikan dan sebagainya.

Majlis penutup telah disempurnakan oleh Y. Bhg. Prof. Dr. Zolkepli bin Buang, Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UTeM. Beliau menyeru agar semua peserta dapat mengambil bahagian di dalam apa juga aktiviti yang dijalankan oleh HEPA bagi tujuan meningkatkan sahsiah mereka disamping tidak melupakan bidang akademik seterusnya mempertingkatkan tahap pembelajaran bagi mencapai keputusan CGPA yang lebih baik lagi sehingga tamat pengajian di UTeM.

Kursus Pra Perkahwinan UTeM 2009



4 & 5 APRIL 2009 bersamaan 8 & 9 Rabiulakhir 1430H : Exco Kerohanian Majlis Perwakilan Pelajar UTeM sesi 08/09 dengan kerjasama Unit Kerohanian, Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Pusat Islam, BADAR dan Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) telah menganjurkan Kursus Pra Perkahwinan UTeM 2009 bertempat di Auditorium UTeM, Kampus Induk, Durian Tunggal. Kursus ini telah berlangsung selama dua hari dimana ianya disertai seramai 150 orang yang terdiri daripada kalangan warga UTeM (pelajar dan staf) dan juga masyarakat luar.

Tujuan utama penganjuran Kursus Pra Perkahwinan ini adalah memberi

pendedahan dan pengetahuan kepada warga UTeM dan masyarakat luar mengenai kepentingan perkahwinan di dalam Islam seterusnya memberikan persediaan sebelum melangkah kegerbang perkahwinan supaya keluarga yang dibina beroleh rahmat daripada Allah S.W.T.



Seramai 9 orang penceramah jemputan telah diundang bagi menjayakan kursus tersebut. Antara tajuk yang disampaikan iaitu mengenai perkara-perkara asas di dalam Islam seperti bab akidah, ibadah, akhlak, perkahwinan dan prosedur, hubungan



dalam keluarga, dan pengurusan kewangan dan masa, komunikasi antara suami dan isteri, pengurusan stress dan konflik serta rundingcara di Jabatan Agama Islam Negeri, pengurusan kesihatan, dan pembubaran perkahwinan.

Pada hari pertama, taklimat kursus telah disampaikan oleh Y. Bhg. En. Yazid Bin Palal, Pengurus MAIM Bentara Sdn. Bhd. Manakala, majlis perasmian penutupan dan penyampaian sijil telah disempurnakan oleh Y. Bhg. Datuk Prof. Madya Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), UTeM.

Kursus Pengurusan Kelab dan Persatuan 2009

20-22 MAC 2009 : Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni UTeM telah menganjurkan Kursus Pengurusan Kelab dan Persatuan 2009 bertempat di Hotel Seri Malaysia, Bagan Lalang, Banting, Selangor. Kursus ini telah disertai seramai 150 orang yang terdiri daripada 35 buah kelab dan persatuan pelajar yang berdaftar di bawah HEPA.



Pelbagai Modul didedahkan kepada semua peserta antaranya pengendalian mesyuarat, sistem fail dan surat kiriman rasmi perlembagaan kelab & persatuan, pembentangan perancangan aktiviti kelab 2009, pengurusan kewangan dan sebagainya.

Antara objektif utama kursus ini dianjurkan bagi meningkatkan pengetahuan berkenaan sesuatu program yang dijalankan, mempelajari kaedah mengendalikan mesyuarat, penulisan minit dan pengurusan kewangan. Selain itu juga, ia dapat mempelajari urusan pentadbiran persatuan seperti sistem fail dan surat kiriman rasmi dan kesetiausahaan selain mengetahui kaedah mengendalikan kursus, seminar, bengkel dan sebagainya.



Sambutan Maulidurrasul 1430 H

9 MAC 2009 bersamaan 12 Rabiulawal 1430H : Exco Kerohanian, Majlis Perwakilan Pelajar sesi 08/09 dengan kerjasama Unit Kerohanian, HEPA telah mengadakan Majlis Sambutan Maulidurrasul bertempat di Masjid Al-Alami, MITC, Ayer Keroh Melaka. Dengan bertemakan "We Love Muhammad S.A.W", majlis ini telah berjaya menarik minat kehadiran orang ramai termasuk warga UTeM dan masyarakat luar.



Pada malam tersebut, ceramah bertajuk "Menghayati Sirah Nabawiyah Dalam Kehidupan Sehari-hari" telah disampaikan oleh Al-Fadhil Ustaz Mohd Najib Bin Khasim yang merupakan pensyarah di Fakulti Syariah Islam, Universiti Multimedia

(MMU), Melaka. Majlis Sambutan Maulidur Rasul kali ini diserikan dengan kehadiran Y. Bhg. Prof. Dr. Zolkepli bin Buang, Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, UTeM dan seterusnya menyempurnakan majlis penyampaian cenderahati kepada penceramah dan pihak masjid.



SPRING FESTIVAL 2009

Spring Festival UTeM 2009 telah berjaya diadakan pada 21 Februari 2009, jam 8.30 malam bertempat di Dewan MBMB Bukit Beruang. Tujuan utama program ini adalah untuk memperkenalkan tradisi dan kebudayaan kaum Cina seterusnya memupuk semangat kekitaan di kalangan mahasiswa/i UTeM. Seramai 310 orang peserta dan urusetia telah menghadiri program pada malam tersebut.



ialah tarian singa, 24 season drum, tarian tradisi kaum Cina, drama, nyanyian, magic serta cabutan bertuah. Di samping itu, terdapat juga pameran berkenaan dengan tradisi Cina diadakan bagi tujuan memperkenalkan kebudayaan Cina kepada kaum lain.

Program kali ini juga disertai oleh pelajar daripada Universiti Multimedia (MMU).

Majlis perasmian Spring Festival 2009 ini telah dirasmikan oleh Y.Bhg. Prof. Dr. Zolkepli Bin Buang, Dekan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (HEPA). Pada malam tersebut, peserta berpeluang menjamu selera sementara menyaksikan persembahan yang menarik. Antaranya



MAJLIS HOMECOMING ALUMNI UTeM 2009

28 MAC 2009 : Persatuan Alumni UTeM (AUteM) dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni (HEPA), UTeM telah berjaya mengadakan Majlis Homecoming Alumni UTeM 2009 bertempat di Ayer Keroh d'Village Resort, Melaka. Majlis ini adalah rentetan Majlis Makan Malam Sirih Pulang Ke Gagang pada 6 Januari 2007 yang dianjurkan oleh Unit Alumni dan Kerjaya, HEPA dengan kerjasama Persatuan Alumni UTeM.



dangan dan cadangan serta menyalurkan sebarang masalah dan hal-hal yang berkaitan kepada pihak pengurusan tertinggi Universiti.

Pelbagai aktiviti diadakan pada sebelah petang sebelum Majlis Homecoming Alumni UTeM 2009 berlangsung, antaranya Cabaran Sukan berkayak, berbasikal mengelilingi Kampus Induk UTeM dan sebagainya. Manakala pada sebelah malam, majlis tersebut telah diserikan dan disempurnakan oleh Pengerusi Lembaga Pengurusan Universiti, Y.Bhg. Dato' Dr. Mohd Taib Bin Hashim serta beberapa Pegawai Kanan yang lain. Diharap agar penganjuran majlis seumpama ini akan memberikan manfaat yang cukup besar dalam konteks merapatkan jaringan silaturrahim sesama alumni.

Ianya bertujuan mengeratkan hubungan ukhuwah sesama ahli Persatuan khususnya yang berada di sekitar Melaka, mewujudkan hubungan berkekalan di antara pihak Persatuan dengan pihak pengurusan tertinggi UTeM, memberikan peluang kepada ahli Persatuan untuk berkongsi idea, pan-



DEBAT INTEGRASI ISLAM (DINISLAM) UTeM 09

Pertandingan Debat Integrasi Islam (DINISLAM) UTeM 09 julung-julung kalinya telah berjaya dilaksanakan pada 21-22 Mac 2009 bertempat di Bilik Kuliah 13 dan 14 (Saringan/Separuh Akhir) dan Kafeteria (Peringkat Akhir), Kampus Industri, UTeM. Program ini disertai seramai 15 orang Mahasiswa/i UTeM dan sebanyak 5 kumpulan dibentuk di mana setiap kumpulan telah disertai oleh sekurang-kurangnya seorang pendebat senior bagi memberi pendedahan yang lebih kepada pendebat-pendebat junior.



Antara objektif utama pertandingan ini adalah memberikan pendedahan kepada pendebat-pendebat UTeM berkenaan pertandingan debat yang sebenar seterusnya melatih pendebat-pendebat UTeM dari segi strategi membuat konsep, strategi pengujahan, strategi bidasan,

latihan debat serta teknik-teknik dalam perdebatan.

Hakim-hakim yang terlibat mengadili DINISLAM kali ini terdiri daripada bekas pendebat Universiti dan Majlis Debat Universiti Malaysia (MADUM) serta jurulatih debat universiti. Majlis Perasmian pula telah disempurnakan oleh Ketua Timbalan Pendaftar HEPA, En. Zainal Bin Bidin seterusnya menyampaikan hadiah kepada pemenang-pemenang. Tahniah diucapkan.

EKSPEDISI GUNUNG BATU PUTEH

7-9 MAC 2009, Gunung Batu Puteh, Tapah, Perak : Kelab Rekreasi & Sukan Ekstrim (KEREX) UTeM dengan kerjasama Unit Alumni dan Kerjaya, HEPA telah menganjurkan satu Ekspedisi Gunung Batu Puteh yang terletak di Hutan Simpanan Kekal Bukit Tapah, Kuala Woh, Tapah, Perak yang mempunyai ketinggian setinggi 2131 meter. Ekspedisi pada kali ini disertai seramai 40 orang mahasiswa/i termasuk pegawai pengiring.



Antara objektif utama program ini adalah untuk memberi peluang kepada pelajar untuk bergiat secara aktif dalam aktiviti luar, memotivasikan diri dalam pengawalan dan pengurusan masa, disiplin, kerjasama di dalam berpasukan dan kepimpinan berterusan seterusnya melahirkan generasi kepimpinan di kalangan mahasiswa/i bagi memastikan aktiviti berunsur rekreasi dapat diteruskan. Selain itu juga, ianya dapat meningkatkan keyakinan diri di samping peka dan sadar terhadap kepentingan mengharungi segala cabaran untuk men-capai kejayaan di puncak serta memupuk kasih dan sayang terhadap alam semulajadi.

Deligasi UniMAP ke UTeM

25-26 JANUARI 2009:

Majlis Perwakilan Pelajar UTeM telah menerima satu kunjungan delegasi dari Majlis Perwakilan Pelajar UniMAP. Seramai 36 orang pelajar dari UniMAP yang terdiri daripada MPP



UniMAP dan wakil dari setiap fakulti telah tiba di Kampus Industri (CUBIC) UTeM pada 25 Januari 2009 jam 10.30 malam.

Dalam delegasi ini, pelajar UniMAP telah mengikuti pelbagai aktiviti yang dirancang. Antaranya 'Campus Tour' yang melibatkan ketiga-tiga kampus di UTeM iaitu Kampus Induk,

Kampus Industri dan Kampus Bandar. 'Campus Tour' ini diadakan bagi membolehkan para pelajar dari UniMAP mengenali segala kemudahan yang disediakan di UTeM. Seterusnya, sesi dialog antara para pelajar UniMAP dan MPP UTeM telah diadakan dengan lancarnya.



Melalui sesi

dialog itu, segala permasalahan yang timbul sama ada di UTeM mahupun di UniMAP dibincangkan dan segala jalan penyelesaian dikemukakan agar segalanya dapat diatasi. Secara keseluruhannya, delegasi ini telah membuka ruang perhubungan yang luas antara MPP UTeM dengan MPP dari UniMAP.



KEM JATIDIRI MAHASISWA SIRI 1/2009

20-22 MAC 2009 : Exco Kepimpinan dan Sahsiah Mahasiswa, MPP UTeM dengan kerjasama Unit Disiplin dan Keselamatan Pelajar, Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni, UTeM telah berjaya menganjurkan program Kem Jatidiri Mahasiswa siri 1/2009 bertempat di Kem Tasik Biru, Chincin, Melaka. Program kali ini telah disertai seramai 60 orang mahasiswa/i UTeM. Antara objektif utama adalah bagi mewujudkan modal insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani kepada mahasiswa/i melalui



seterusnya mengaplikasikannya di dalam menempuhi alam kedewasaan kelak.

Pelbagai aktiviti telah dijalankan sepanjang kem berlangsung, antaranya; Night Tracking, Jungle Tracking, Obstacle, Lake Crossing serta aktiviti-aktiviti kerohanian ter-



penyertaan dalam bidang kokurikulum selain menyeimbangkan tahap sosial mereka dalam melangkah ke alam kehidupan yang lebih mencabar dan

masuklah solat "Kiyamullail" dan sebagainya. Majlis perasmian penutup pula telah disempurnakan oleh Y. Bhg. Prof. Dr. Zolkepli Bin Buang, Dekan Hal Ehwal Pelajar & Alumni, UTeM. Dalam ucapan, beliau menyeru agar mahasiswa/i lebih peka dengan menyertai aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh barisan MPP UTeM dan Pihak HEPA di masa akan datang.

Bengkel Kesedaran Wanita (Maruah dan Pengawalan Emosi)

Kelab Pembimbing Rakan Siswa (PRS) dengan kerjasama Unit kaunseling dan Pemajuan Pelajar, HEPA telah menganjurkan Program Bengkel Kesedaran Wanita bertempat di Dewan UTeM 1, Kampus Industri UTeM pada 28 Mac 2009. Bengkel ini telah disertai seramai lebih kurang 50 orang yang terdiri daripada warga UTeM.

Antara tujuan utama penganjurannya adalah bagi menerapkan nilai-nilai kesedaran dan maruah wanita serta pengawalan emosi selain dapat kemahiran dalam menghadapi sebarang tekanan kerja seterusnya mampu mengawal emosi setanding dengan kaum lelaki. Peserta-peserta didedahkan dengan pelbagai slot menarik antaranya; ceramah bertajuk "Maruah & Martabat Wanita" dan "Wanita & Pengawalan Emosi" selain berpeluang



mengikuti slot grooming yang dikendalikan oleh pihak profesional daripada Linda Muslimah.

Pertandingan Catur Bistari Terbuka Peringkat Kebangsaan 2008/09

10 JANUARI 2009, Persada Johor, Johor Bahru: Kentucky Fried Chicken (Johor Corporation) telah menganjurkan Pertandingan Catur Bistari Terbuka di mana penyertaannya dibuka kepada semua peringkat masyarakat. Tujuan utama pertandingan ini adalah untuk mencetuskan minat dan kesedaran mengenai bidang keusahawanan dan pengurusan kewangan. Pada peringkat awal, pertandingan ini diadakan secara saringan di setiap negeri seterusnya peserta yang berjaya dalam saringan tersebut akan melayakkan diri ke peringkat akhir.

Seramai 5 orang pelajar UTeM telah menyertai pertandingan ini secara individu dan telah berjaya memasuki peringkat akhir. UTeM juga telah menghantar 2 kumpulan yang melibatkan 12 orang mahasiswa/i. Saudari Siti Khadijah bte Ab. Yusop dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal merupakan salah seorang peserta yang berjaya mendapat tempat pertama di dalam kategori Nilai Aset Tertinggi dan telah memenangi pakej lawatan 5 hari 4 malam ke Beijing, China. Tahniah....



Seminar Pembangunan Teknousahawan UTeM 2009

28 MAC 2009, Dewan Konvensyen Kampus Bandar UTeM : Seminar Pembangunan Teknousahawan UTeM telah berjaya dianjurkan. Program julung kalinya ini dianjurkan oleh Unit Keusahawanan, HEPA dan disertai oleh seramai 80 orang mahasiswa/i tahun akhir Fakulti Kejuruteraan Elektrik.

Seminar ini bertujuan memberikan pendedahan dan penerangan kepada peserta mengenai bidang teknousahawan seterusnya merangsang minat untuk menceburi bidang

keusahawanan. Selain itu, ia memberi panduan serta membimbing para peserta untuk menjadi teknousahawan berdasarkan perkongsian pengalaman penceramah.

Dalam seminar tersebut, penceramah dari SHR Engineering Sdn Bhd iaitu Ir Hj. Salleh bin Hj. Shamlani telah menyampaikan ceramah mengenai bidang teknousahawan dan me-



nerangkan peluang-peluang yang boleh didapati di dalam bidang ini. Selain itu juga, Dr. Muhammad Nubli bin Abdul Wahab dari Universiti Malaysia Pahang telah dijemput bagi menyampaikan ceramah berkaitan kriteria seseorang teknousahawan dan menjalankan sesi ujian yang dinamakan Psychometric Test And Biofeedback In Developing Technopreneur. Ujian tersebut dilakukan dengan bantuan beberapa set soalan terkawal dan mesin khas untuk melihat bakat peserta dalam bidang teknousahawan.



Kursus Sifat Solat Nabi Muhammad S.A.W.

7 MAC 2009 : Majlis Perwakilan Pelajar dengan kerjasama Badan Dakwah dan kerohanian (BADAR), Jawatankuasa Kolej Kediaman Murni dan Unit Kerohanian, Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) telah menganjurkan Kursus Sifat Solat Nabi Muhammad S.A.W bertempat di Dewan UTeM 1, Kampus Industri, Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

Kursus ini terbuka kepada semua lapisan masyarakat baik warga universiti mahupun masyarakat luar.

Lebih membanggakan, kursus ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan dan disertai seramai 250 orang terutamanya daripada golongan belia, pensyarah, ahli korporat, guru, mahasiswa dan sebagainya. Program ini juga disertai oleh peserta yang datang dari dalam dan luar melaka. Antaranya; UiTM Shah Alam, UIAM Gombak, Johor, Negeri Sembilan, MMU melaka, Politeknik Merlimau, UiTM

Melaka dan lain-lain.

Antara objektif utama kursus ini adalah memberikan pendedahan yang mendalam dan terperinci mengenai Sifat Solat Nabi Muhammad S.A.W secara teori dan praktikal yang menyentuh aspek persiapan dan tatacara sebelum, semasa dan selepas solat baik solat fardhu mahupun solat sunat berdasarkan dalil yang sahih dan hujah-hujah yang ilmiah seterusnya merungkai segala permasalahan yang sering dihadapi di dalam solat seperti solat ketika musafir, ketika sakit, solat jenazah, solat diatas kenderaan dan sebagainya. Antara penceramah yang telah memberikan sesi penerangan kursus yang berkesan adalah Ustaz Mohd Najib Bin Khosim (Pensyarah Multimedia Universiti) dan Ustaz Abd Rasyid Bin Idris (Presiden Institut Al-Qayyim, Pulau Pinang).



Kejohanan Malaysian National Paintball League (MY-NPL 2009) 1st Round



14-15 FEBRUARI 2009, Padang Astaka, Petaling Jaya, Selangor: Kelab Rekreasi dan Sukan Ekstrim (KeReX) UTeM telah menyertai KEJOHANAN LIGA PAINTBALL KEBANGSAAN MALAYSIA 2009 yang telah dianjurkan oleh Malaysian Paintball Academy (MAPAAC). Kejohanan ini telah diadakan pada pusingan pertama (14 & 15 Februari di Petaling Jaya, Selangor). Kejohanan ini juga telah disertai seramai 3 buah pasukan yang mewakili Kelab Rekreasi dan Sukan Ekstrim (KEREX). Mereka ini telah mewakili Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) ke kejohanan tersebut. Setiap pasukan terdiri daripada 5 orang pelajar bagi setiap kumpulan dan 2 orang simpanan. Semua penyertaan pasukan UTeM adalah di peringkat Divisyen 4.

Di dalam kejohanan peringkat kebangsaan ini, 3 pasukan UTeM yang diwakili oleh ROOKIES RAIDERS, HYBRID dan KEREX HUNTER telah bermain dengan semangat yang tinggi



sehingga mencapai ranking 10 pasukan terbaik dan berjaya mara ke suku akhir. Pasukan paintball UTeM perlu lebih banyak pertandingan atau latihan untuk memantapkan skill dan strategi permainan supaya lebih mantap dari semasa ke semasa. Pasukan paintball dari UTeM mempunyai

potensi untuk pergi lebih jauh lagi dengan adanya tunjuk ajar daripada pemain berpengalaman terutamanya Leopard Hunterz @ Spunky Militia (kini) yang bermain di peringkat Divisyen 3.

Antara objektif utama penyertaan pasukan paintball UTeM dalam kejohanan ini adalah bertujuan untuk membentuk mahasiswa komited yang dapat mencipta kecemerlangan dalam aktiviti bukan akademik, membina keyakinan mahasiswa dengan sifat berani dan cecal menghadapi pelbagai rintangan dan halangan di sepanjang kejohanan, memupuk semangat bekerjasama sebagai satu pasukan dalam diri mahasiswa, melatih mahasiswa menjadi seorang yang berdaya saing dan tahan lasak serta mengisi masa lapang mahasiswa-mahasiswi dengan aktiviti-aktiviti yang berfaedah untuk universiti dan diri sendiri.

MURNI DOTA TOURNAMENT



27 FEB - 1 MAC 2009: Satu program anjuran Exco Publisiti dan Kebudayaan JAKSIS MURNI, yang diberi nama Murni Dota Tournament telah diadakan di kolej kediaman

UTeM Murni. Pada program kali ini sebanyak 8 buah pasukan telah menyertai dan memberikan komitmen yang bersungguh-sungguh. Antara 8 pasukan tersebut adalah:

Antara 8 pasukan tersebut adalah:

1. Clan WTF
2. Break Ice
3. Pasukan Jaksis
4. Gadis Merah Jambu (GMJ)
5. Ston Furu
6. Ice
7. Chrome Net
8. Pasuakan TFX



Secara keseluruhannya, program ini berjaya dijalankan serta objektif program ini telah tercapai. Program pertandingan permainan maya ini telah dimenangi oleh Pasukan TFX diikuti Break Ice dan GMJ, tempat keempat pula disandang oleh Ston Furu. Diharapkan program seperti ini dapat dilaksanakan di peringkat yang lebih gah seperti di peringkat inter-universiti.

UTeM Leopard Johan Div 2 Liga Hoki MASUM 2008



PASUKAN HOKI UTEM LEOPARD muncul Johan Divisyen 2 Liga Hoki MASUM dan seterusnya layak ke Divisyen 1 pada tahun 2009 nanti. UTeM telah muncul johan dengan mengekalkan rekod tanpa kalah sepanjang kejohanan ini. Pasukan ini telah mencatat sebanyak 8 kemenangan dan 1 seri. Keputusan ini melayakkan UTeM untuk bersaing di Divisyen 1 pada musim depan di mana 8 pasukan elit hoki universiti di Malaysia akan bersaing untuk menentukan gelaran siapa yang terbaik.

Pasukan hoki UTeM Leopard ini diperkuatkan dengan pimpinan kapten pasukannya Mohd Aizudin b Yusof yang telah membantu Melaka muncul Johan dalam Kejohanan Hoki Bawah 21 Tahun Peringkat Kebangsaan 2008. Kejohanan ini telah dianjurkan oleh Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) dan telah menyaksikan 8 pasukan bersaing di Div 1 dan 10 pasukan bersaing di div 2.

STAF HEPA CEMERLANG : SUKAN ANTARA JABATAN 2009

SUKAN	TEMPAT	PENCAPAIAN KESELURUHAN
Bola Sepak	Kompleks Sukan UTeM	NAIB JOHAN: Ahmad Affendy Bin Mohamed Sani, Hafizi Bin Mohamad, Fadzly Bin Nordin, Rohaizan Bin Abas, Amir Shariffuddin Bin Mohd Yassin, Muhammad Nizam Bin Mansor, Shamsul Bin Sabtu @ Shariff, Mohd Sujairi Bin Harun, Najib Bin Abdullah, Sariman Bin Ajis, Mohd Rusdi Bin Isohod, Bahari Bin Mahmud, Abd Halim Bin Mohamad Noh, Rosli Bin Said, Azahar Bin Sidek, Zairudin Bin Said, Norzam Bin Sukari, Abdul Majid Bin Isnin dan Tinta Firmannika Bin Selamat.
Ping Pong	Kompleks Sukan UTeM	KEEMPAT: Ahmad Affendy Bin Mohamed Sani, Fadzly Bin Nordin, Najib Bin Abdullah, Abd Halim Bin Mohamad Noh, Azmi Bin Othman, Adawiyah Binti Md Jani, Nurul Afiza Binti Bahari, Mohd Sujairi Bin Harun, Mazlan Bin Mahat, Ahmad Faizal bin Abdul Rahman
Tenpin Bowling	Ampang Super Bowl, Mahkota Parade	KETIGA: Mahathir Bin Mazizan, Sariman Bin Ajis, Abd Halim Bin Mohamad Noh, Nor Azlina Binti Md Aris, Noradila Binti Abd Rahim dan Zairina binti Jamil
Sepak Takraw	Kompleks Sukan UTeM	JOHAN: Ahmad Affendy Bin Mohamed Sani, Najib Bin Abdullah, Mohd Sujairi Bin Harun SUKU AKHIR: Fadzly Bin Nordin, Mohd Rusdi Bin Isohod dan Shamsul Bin Sabtu @ Shariff
Bola Tampar	Gelanggang Bola Tampar, UTeM	NAIB JOHAN: Zainal Bin Bidin, Hafizi Bin Mohamad, Fadzly Bin Nordin, Abd Halim Bin Mohamad Noh, Mohd Rusdi Bin Isohod, Mohd Sujairi Bin Harun dan Muhammad Nizam Bin Mansor
Futsal	Arena Sport, Klebang	JOHAN: Hafizi Bin Mohamad, Fadzly Bin Nordin, Muhammad Nizam Bin Mansor, Najib Bin Abdullah, Mohd Sujairi Bin Harun dan Shamsul Bin Sabtu @ Shariff
Olahraga (400 m)	Kompleks Sukan UTeM	KETIGA: Shamsul Bin Sabtu @ Shariff

Pasukan Hoki Wanita UTeM Raih Tempat ketiga Pesta Hoki USM 2008

26 NOV - 1 DIS 2008, USM: Pasukan hoki wanita UTeM telah muncul sebagai pemenang tempat ketiga kategori IPT dalam kejohanan Pesta Hoki USM 2008



yang mana ianya merupakan pesta hoki tahunan yang terbesar di Malaysia. Kejohanan ini melibatkan penyertaan dari seluruh negara antaranya seperti England, Australia, New Zealand, Thailand dan lain-lain. Format pertandingan adalah liga dalam kumpulan dan kalah mati pusingan seterusnya. Kategori lelaki bermain 6 sebelah & kategori wanita 7 sebelah.

UTeM telah menghantar kontingen terbesar pada tahun ini sebanyak 4 pasukan yang terdiri dari 2 pasukan lelaki & 2 pasukan wanita dan mensasarkan

mendapat kedudukan di antara 3 kedudukan terbaik dalam kategori IPT. Walaupun gagal mencapai sasaran penuh dalam kejohanan ini pasukan UTeM menunjukkan pencapaian membanggakan. Pasukan wanita menunjukkan peningkatan yang tinggi dalam kejohanan ini manakala pasukan lelaki kurang bernasib baik dalam kejohanan ini. Pasukan hoki lelaki & wanita akan terus berlatih bagi mencapai kedudukan 4 pasukan teratas bagi sukan hoki di antara universiti Malaysia.

KEJOHANAN TENPIN BOLING USRATI HEPA 2009

19 APRIL 2009 : Kejohanan Tenpin Boling USRATI HEPA 2009 telah berjaya diadakan bertempat di Ampang Superbowl, Mahkota Parade, Melaka. Penganjuran julung kali ini telah disertai seramai 30 orang peserta yang terdiri daripada Warga HEPA UTeM. Kejohanan yang bermula jam 11.00 pagi ini telah berakhir pada jam 2 petang.



Sebanyak 3 kategori dipertandingkan iaitu kategori kumpulan (Johan sehingga tempat ke-10), kategori pemain lelaki skor tertinggi dan kategori pemain wanita skor tertinggi. Selain itu juga, pihak penganjur telah bersetuju menambah satu kategori baru kepada peserta iaitu kategori pemain skor paling rendah.



Majlis Doa Selamat USRATI HEPA

20 APRIL 2009 bersamaan 24 Rabiul Akhir 1430H : Kelab USRATI HEPA 2009 dengan jayanya telah mengadakan satu majlis doa selamat bertempat di bangunan HEPA, Durian Tunggal bagi memperingati beberapa peristiwa suka dan duka ahli kelab, antaranya;

a) Menyambut hari lahir yang ke-52, Dekan HEPA, Y. Bhg. Prof. Dr. Zolkepli Bin Buang;

b) Tahniah di atas kehadiran cahayamata iaitu Pn. Noor Yasniza Bte Yusof (anak lelaki) dan Pn. Siti Aminah Bte Md. Ali (anak perempuan);

c) Takziah kepada En. Md. Nor Bin Ali yang sedang sakit di Hospital Besar Melaka. Didoakan semoga beliau cepat sembuh;

d) Takziah kepada En. Rafiee Bin Sukiman yang kehilangan ayahanda tersayang. Semoga roh ayahandanya dicucuri rahmat dan berada dikalangan orang-orang yang beriman dan

e) Menghargai segala kerjasama dan bakti yang diberikan oleh En. Rohaizan Bin Abas sepanjang berkhidmat di HEPA.

Dengan kata lain, majlis ini dapat dijalankan dengan jayanya serta mendapat sambutan yang memberangsangkan daripada ahli kelab seterusnya mengeratkan silaturrahim dan kerjasama sesama ahli. Harapan **Jawatankuasa USRATI HEPA** agar semua warga HEPA dapat memberikan



kerjasama dan sokongan padu bagi menayakan segala aktiviti-aktiviti yang telah dirancang samada berbentuk kerohanian mahupun rekreasi. Semoga segala usaha ini mendapat keredhaan dan keberkatan yang Maha Esa. Insyallah.....



Selamat Pengantin Baru diucapkan kepada kakitangan HEPA UTeM yang telah mendirikan rumahtangga. Semoga berbahagia hingga ke akhir hayat.



En. Mohd Saiful Bin Haji Sahar, Pekerja Awam, Kolej Kediaman Taman Tasik Utama yang telah mendirikan rumahtangga bersama wanita idamannya, Pn. Siti Kholijah Bte Razali pada 28 Disember 2008 bertempat di Bukit Duyong, Melaka.

Puan Sulaina Bte Kamarudin, Pembantu Tadbir (P/O), Unit Disiplin & Keselamatan Pelajar yang telah mendirikan rumahtangga bersama jejak idamannya, En. Irwan Shah Bin Haji Khamis pada 7 Mac 2009 bertempat di Kg. Merlimau Pasir, Merlimau, Melaka.



Puan Safinaz Bte Nordin, Penyelia Asrama, Kolej Kediaman Taman Tasik Utama yang telah mendirikan rumahtangga bersama jejak idamannya, En. Sallehin Bin Aziz pada 15 Mac 2009 bertempat di Kg. Padang Ampang, Kuala Kangsar, Perak Darul Ridzuan.



Puan Musliha Bte Yusoff, Pegawai Psikologi, Unit Kaunseling & Pemajuan Akademik Pelajar yang telah mendirikan rumahtangga bersama jejak idamannya, En. Ahmad Shaiful Azli Bin Abd Razak pada 14 Mac 2009 bertempat di Felda Chuping, Kangar, Perlis.



En. Mohammad Rafiee Bin Sukiman, Pekerja Awam, Kolej Kediaman Pangsapuri Bunga Raya yang telah mendirikan rumahtangga bersama wanita idamannya, Pn. Siti Zainab Bte Othman pada 29 Mac 2009 bertempat di Kampung Tehel, Bemban, Melaka.

Tahniah diucapkan kepada kakitangan HEPA yang telah menerima 'Kehadiran' ahli baru dalam keluarga mereka. Semoga dengan hadirnya ahli baru ini menambahkan lagi kebahagiaan rumahtangga kalian.



En. Muhammad Nizam Bin Mansor Pembantu Tadbir (P/O), Unit Kenderaan
 Nama Anak : Mikaeil Afza Bin Muhammad Nizam
 Tarikh Lahir : 23 Disember 2008
 Tempat Lahir : Hospital Taiping, Perak



Pn. Nor Anidah Bte Ab. Karim Jururawat, Klinik Pelajar
 Nama Anak : Muhammad Zuhairi Bin Zainal
 Tarikh Lahir : 13 Oktober 2008
 Tempat Lahir : Hospital Besar Melaka



En. Azmi Bin Othman Penolong Pegawai Tadbir, Unit Kewangan
 Nama Anak : Nur Alya Qaisara Bin Azmi
 Tarikh Lahir : 10 November 2008
 Tempat Lahir : Hospital Pantai Ayer Keroh, Melaka



En. Tinta Firmannika Bin Selamat Penolong Pendaftar, Unit Alumni & Kerjaya
 Nama Anak : Tihaani Faqeehah Bte Tinta Firmannika
 Tarikh Lahir : 30 November 2008
 Tempat Lahir : Hospital Besar Melaka



Pn. Norashikin Bte Hashim Pembantu Belia & Sukan, Jabatan Sukan & Rekreasi
 Nama Anak : Muhammad Hadif Naufal Bin Mohd Zaidi
 Tarikh Lahir : 11 Disember 2008
 Tempat Lahir : Hospital Besar Melaka



Pn. Noor Yusniza Bte Yusof Pembantu Tadbir (P/O), Unit Keusahawanan
 Nama Anak : Abdullah Hakim Bin Azrol
 Tarikh Lahir : 9 April 2009
 Tempat Lahir : Hospital Besar Melaka



Pn. Siti Aminah Bte Md. Ali Penyelia Asrama, Kolej Kediaman D'Apartment
 Nama Anak : Nur Sofea Elissa Bte Mohamad Nizzan
 Tarikh Lahir : 27 Mac 2009
 Tempat Lahir : Hospital Besar Melaka

Selamat Datang Staf Baru ke HEPA



En. Muhamad Takrimi Bin Shahabudin
 Pegawai Perubatan,
 Klinik Pelajar

Staf HEPA ke Jabatan Lain



Rohaizan Bin Abas
 Pembantu Am Pejabat ke CANSELORI

Staf Jabatan Lain ke HEPA



Asshari bin Abbas
 Pembantu Am Pejabat dari FAKULTI KEJURUTERAAN PEMBUATAN (FKP)

Al-Fatihah kepada



En. Zulkifli bin Md Din Pemandu Kenderaan, Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni yang telah kembali ke Rahmatullah Pada 11 Februari 2009



En. Md Nor Bin Ali Penolong Pendaftar, Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni yang telah kembali ke Rahmatullah pada 9 Mei 2009.